

PERUNTUKAN KESALAHAN JENAYAH SYARI'AH (ARAK DAN JUDI)
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU
PAHANG 1982 PINDAAN 1987

Oleh

A B U Z A K Y B I N M O H A M M A D

Kertas projek ini adalah sebahagian
daripada keperluan kursus Diploma Undang-undang
dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ)
sesi 1993/94

KULLIYAH UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA
PETALING JAYA
JUN 1994



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِوَسِيلَةِ سُنَّتِيْهِ اِسْلَامًا وَ اَنْبِيَاءِ اَيْحُسَبًا مِلْدِيْسِيَا

..... Kenangan abadi dan kasih sayang buat
isteri dan seisi keluarga

P E N G H A R G A A N

Alhamdulillah, penulis bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah 'inayahnya penulis mampu menggagahi diri untuk menyiapkan kertas yang menjadi sebahagian dari keperluan untuk memperolehi Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ), Kuliyah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia sesi 1993/94.

Sebagai tanda penghargaan, pertama sekali penulis merakamkan ribuan terima kasih dan syukur kerana kesudian Ustaz Wan Zahidi Wan Teh menerima dan menjadi penyelia kepada penulis di dalam menyiapkan kajian ilmiah ini. Segala bantuan beliau tetap dikenang.

Tanda penghargaan juga buat Ustaz Sulaiman, Ustaz Raffli dan kakitangan di Bahagian Penyelidikan Daerah Pekan atas kerjasama dan maklumat yang telah diberikan.

Ingatan kasih sayang buat isteri Fatimah binti Ishak, kedua ibu bapa dan mertua serta seluruh keluarga yang sentiasa mendorong dan mendoakan kejayaan penulis.

Seterusnya ucapan terima kasih buat sahabat, saudara Adam Tumiran yang sedia membantu. Juga buat rakan-rakan seperjuangan semoga kita semua beroleh kejayaan dan keberkatan Allah Taala. Sekian, Wasalam.

Ikhlas dari

Abu Zaky bin Mohammad

E9/403, Kg Pulau Lang Kiri, 26800,

Kuala Rompin, Pahang Darul Makmur Makmur.

S I N O P S I S

Tajuk latihan ilmiah ini adalah: "PERUNTUKAN KESALAHAN JENAYAH SYARI'AH (ARAK DAN JUDI) ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG 1982 PINDAAN 1987. PERLAKSANAAN DAN PERMASALAHANNYA".

Kajian ilmiah ini dibahagikan kepada empat bab yang berkisar tentang perbincangan arak dan judi. Bab pertama ditumpukan kepada perbincangan mengenai pengertian dan sejarah arak dan judi serta sejarah dan hikmat pengharaman arak dan judi.

Bab kedua pula membawa kepada perbincangan mengenai peruntukan undang-undang dan hukuman-hukuman terhadap kesalahan jenayah arak dan judi arak dan judi.

Bab ketiga sebagai topik perbincangan yang penting membawa kepada pengkajian pelaksanaan peruntukan kesalahan jenayah arak dan judi. Di samping penampilan mengenai pelaksanaan disertai juga dengan permasalahan yang dihadapi dalam melaksanakan peruntukan kesalahan jenayah ini.

Bab keempat iaitu bab yang terakhir merupakan bahagian untuk penulis mengemukakan komen dan cadangan atas kajian-kajian yang telah dilakukan. Seterusnya kajian ini diikuti dengan kesimpulan dan penutup mengakhiri kajian ilmiah ini.

K A N D U N G A N

Penghargaan	i
Sinopsis	iii
Kandungan	iv
Pendahuluan	
- Pengenalan	vii
- Tujuan Penyelidikan	vii
- Metodologi Penyelidikan	viii
- Masalah Kajian	x
Bab Pertama: Jenayah Minum Arak dan Judi	
1.1 Pengertian Jenayah Minum Arak dan Judi	1
1.1.1 Jenayah Minum arak	1
1.1.2 Jenayah Judi	3
1.2 Dalil-dalil Pengharaman	6
1.3 Sejarah Pengharaman Arak dan Judi	7
1.4 Hikmat Pengharaman Arak dan Judi	14
Nota Rujukan	17
Bab Kedua : Peruntukan Kesalahan Arak dan Judi	
2.1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987. Pengenalan dan Perkembangan	20
2.2 Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan. Organisasi dan Peranan.	22

2.3	Peruntukan Kesalahan dan Tangkapan	24
2.3.1	Seksyen 136.	24
2.3.2	Seksyen 169.	24
2.4	Kaedah Sabitan Arak dan Judi Menurut Syara' dan Enakmen	27
2.4.1	Acara dan Keterangan	30
2.5	Peruntukan Hukuman Secara Perbandingan	33
2.5.1	Kesalahan Minum Arak Menurut Syara'	33
2.5.2	Kesalahan Arak dan Judi Menurut Undang-undang Pahang.	36
	Nota Rujukan	39

Bab Ketiga :	Peruntukan Kesalahan Jenayah Syari'ah Arak dan Judi. Perlaksanaan dan Permasalahannya.	
3.1	Perlaksanaan	43
3.1.1	Operasi, Siasatan, Tangkapan	43
3.1.2	Bantahan dan Nasihat Bertulis	46
3.1.3	Pembicaraan, Saman	47
3.1.4	Hukuman	48
3.2	Permasalahan	50
3.2.1	Operasi, Siasatan, Tangkapan, Pendakwaan	50
3.2.2	Bantahan dan Nasihat Bertulis	53
3.2.3	Bidangkuasa Yang Terhad	53
3.2.4	Tertuduh Tidak Hadir Ke Mahkamah	54
3.2.5	Hukuman	55

3.2.6	Perkembangan Tempat Penjualan Arak dan Pusat Judi	56
	Nota Rujukan	60

Bab Keempat: Komen, Cadangan, Penutup

4.1	Komen	63
4.2	Cadangan	67
4.3	Penutup	74

	Bibliografi	75
--	-------------	----

Lampiran

P E N D A H U L U A N

PENGENALAN

Arak dan judi adalah dua perkara yang diharamkan di dalam Agama Islam. Oleh yang demikian arak dan judi telah dikategorikan sebagai kesalahan jenayah syari'ah di Negeri Pahang.

Di negeri Pahang kesalahan jenayah arak dan judi telah diperuntukkan di dalam Enakmen yang dikenali sekarang sebagai Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987.

TUJUAN PENYELIDIKAN

Jenayah arak dan judi adalah antara jenis maksiat yang mengancam kesejahteraan orang-orang Islam. Akibat daripada kedua-dua perkara ini telah membawa kepada kerosakan akhlak dan beberapa keburukan lain terhadap masyarakat dan negara.

Oleh yang demikian untuk membicarakan mengenai perkara-perkara tersebut, penyelidikan yang dilakukan dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama bertujuan untuk menjelaskan pengertian arak dan judi serta keburukan yang lahir dari perkara-perkara tersebut. Bahagian kedua pula mengutarakan peruntukan kesalahan arak dan judi serta hukuman

yang ditetapkan oleh hukum syara' dan undang-undang negeri. Bahagian ketiga adalah untuk mengkaji sejauhmana pelaksanaan peruntukan dbuat serta sejauhmana halangan yang dihadapi.

Kajian mengenai peruntukan kesalahan arak dan judi antaranya bertujuan untuk memaparkan masalah yang telah ditimbulkan ke atas masyarakat. Oleh itu di dalam kajian ini dibuat perbandingan tentang peruntukan kesalahan dan peruntukan hukuman hingga kini, tangkapan, usaha-usaha mencegah serta halangan terhadap usaha membanterasnya.

Melalui kajian ini diharapkan akan memberikan gambaran dan maklumat yang tersusun untuk dijadikan panduan. Iaitu sebagai panduan untuk lebih menyedari dan mengenalpasti jenayah syariah yang patut dikawal atau dicegah terus.

METODOLOGI PENYELIDIKAN

Bagi menjayakan penyelidikan yang dijalankan, penulis telah menggunakan dua kaedah penyelidikan yang melibatkan:

i) Penyelidikan Perpustakaan

Oleh kerana perbincangan awal menjurus kepada teks bacaan, metod ini sangat penting bagi penulis untuk memulakan kajian. Melalui penggunaan metod ini, penulis dapat memahami dan seterusnya memaparkan bahan-bahan yang menjadi antara

kandungan penting di dalam kertas projek ini. Kajian perpustakaan ini hanya melibatkan dua buah perpustakaan yang dirasakan memadai dengan bahan yang mencukupi. Dua buah perpustakaan tersebut adalah:

1. Perpustakaan Umum Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
2. Perpustakaan Umum Pusat Islam Malaysia.

Di dalam kajian perpustakaan penulis hanya menggunakan beberapa buah buku rujukan yang dirasakan berotoriti kerana telah memetik bahan dari kitab-kitab mu'tabar.

ii) Penyelidikan Luar

Penyelidikan luar lebih kepada mendapatkan maklumat mengenai Enakmen Undang-undang Syariah Negeri Pahang, laporan serta temuramah berkaitan perkembangan jenayah syariah serta tugas yang telah dijalankan.

Untuk penyelidikan luar, penulis menumpukan perhatian kepada dua bahagian di bawah Jabatan Agama Islam Pahang iaitu:

- a) Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan serta
- b) Bahagian Penyelidikan.

MASALAH KAJIAN

Di dalam menyiapkan kertas projek ini penulis tidak menafikan wujudnya halangan-halangan yang mengganggu kelancaran kajian. Antaranya:

- i) Kesibukan dan penyusunan masa yang tidak teratur merupakan masalah utama kepada penulis.
- ii) Masalah untuk berulang alik ke tempat kajian dan beberapa tempat lain yang dirasakan perlu di Pahang. Oleh kerana masalah masa dan jarak yang jauh menyebabkan penulis tidak mampu untuk pergi lebih kerap ke sana.
- iii) Mengenai bahan kajian, penulis akui telah mengalami kesukaran untuk memulakan kajian kerana tiada keseimbangan di dalam perbincangan arak dan judi. Di mana terdapat di dalam bahagian-bahagian perbincangan yang memmberatkan perbincangan arak atau judi. Lebih tepat lagi penulis tidak menemui kajian yang menjurus kepada topik arak dan judi.

Sungguhpun begitu penulis bersyukur kerana di dalam saat menyiapkan kajian ilmiah ini, penulis telah mendapat panduan daripada pihak-pihak tertentu. Panduan tersebut telah membuka jalan kepada penulis menyiapkan kertas projek ini.

BAB PERTAMA
ARAK DAN JUDI

1.1 PENGERTIAN JENAYAH MINUM ARAK DAN JUDI

1.1.1 Jenayah Minum Arak

Jenayah arak atau lebih khusus dibincangkan sebagai jenayah minum arak oleh para fuqaha'. Berdasarkan pendapat fuqaha' jenayah minum arak diistilahkan sebagai (*حريم شرب الخمر*). Perkataan (*شرب*) dan (*الخمر*) adalah dua perkataan yang membawa maksud minum arak.¹

Ulama' telah berselisih pendapat di dalam mentakrifkan makna (*شرب*). Menurut Imam Malik, al-Syafi'e dan Ahmad serta ulama' kepada mazhab masing-masing, perkataan (*شرب*) bererti meminum cecair yang memabukkan samada dinamakan khamr atau tidak. Umpamanya hasil dari perahan anggur, tamar, anggur kering, gandum, barli dan padi. Samada minuman tersebut memabukkan dengan kadarnya yang sedikit atau dengan kadarnya yang banyak.²

Manakala Imam Abu Hanifah dan ulama' mazhabnya berpendapat maksud (*شرب*) ialah minum arak khamr semata-mata. Samada kadar yang diminum sedikit ataupun banyak. Menurut pendapat mereka arak khamr adalah nama khusus bagi tiga jenis cecair sahaja iaitu:

- a) Air anggur yang naik membuih samada dimasukkan kepala susu ke dalamnya ataupun tidak.

b) Air anggur yang dimasak. Apabila berkurangan, kadarnya tidak melebihi dua pertiga kadar asal dan ia menjadi bahan yang memabukkan dan

c) Air tamar dan anggur kering yang ditakung apabila ia naik membuih. Samada dimasukkan kepala susu ke dalamnya ataupun tidak.³

Takrifan perkataan (الخمر) yang menjadi istilah khusus di kalangan mereka menyebabkan mereka tidak mentakrifkan cecair lain selain dari tiga jenis cecair tersebut sebagai khamr. Kadang-kadang cecair tersebut dinamakan ' مسكر ' atau ' سكر ' (memabukkan) atau dipanggil sebagai nabidh (نبيذ).⁴

Berdasarkan kepada takrifan untuk ungkapan jenayah minum arak tersebut, pengertian yang dibawa oleh ulama' ketiga-tiga mazhab selain mazhab Hanafi, minum arak adalah meliputi semua jenis minuman yang memabukkan. Tidak kira samada minuman atau cecair tersebut dinamakan dengan khamr atau dengan perkataan-perkataan lain.⁵

Takrifan ketiga-tiga mazhab tersebut untuk ungkapan khamr yang meliputi semua cecair yang memabukkan dapat mengelakkan dari implikasi yang ditimbulkan dari takrif mazhab Hanafi. Perbezaan nama berdasarkan bahan asal sesuatu cecair yang memabukkan sebaliknya akan menimbulkan implikasi yang besar terhadap pembalasan atau hukuman ke atas peminumnya.⁶

Secara keseluruhannya jenayah minum arak dapat dikatakan sebagai satu tindakan meminum minuman yang memabukkan oleh seorang muslim yang baligh dan berakal dengan pilihannya sendiri.⁷

1.1.2 Jenayah Judi

Di dalam Al-Quran judi disebut sebagai (*الميسر*) atau bermaksud mudah. Secara harfiahnya judi atau ' *الميسر* ' bermaksud mendapatkan sesuatu perkara dengan cara yang terlalu mudah, atau mendapat keuntungan tanpa bersusah payah. Itulah yang menjadi sebab judi diharamkan.⁸

Menurut pendapat Imam Malik judi terbahagi kepada dua bahagian iaitu:⁹

- a) Judi yang melalaikan. Di antaranya adalah seperti buah dadu (*السرد*), catur (*الشطرنج*) dan
- b) Judi dengan pertaruhan. Iaitu perkara yang dijadikan pertaruhan ke atas permainan tersebut.

Saidina Ali bin Abi Talib pula mengatakan bahawa catur adalah permainan judi yang menguji.¹⁰ Imam Malik dan lain-lain ulama' pula mengatakan bahawa setiap perkara yang dijadikan pertaruhan padanya dinamakan judi.¹¹

Di dalam Kamus Dewan judi ditakrifkan sebagai permainan dengan menggunakan wang atau lain-lain sebagai pertaruhan.¹²

Di dalam bahasa Inggeris judi disebut sebagai gambling

dan ia terbahagi tiga jenis yang dikenali sebagai:

- a) Play games of chance for money
- b) Take great risks in business dan
- c) Bet, wager dan gamble.¹³

Sheikh Abdul Rahim Idris Kelantan dalam memperkatakan mengenai loteri kebajikan masyarakat menegaskan bahawa: "Permainan dengan barangmana sesuatu untuk mendapatkan kelabaan wang bagi dirinya dengan aturan paksa atau janji dan berlawanan iaitu janji dasar tengkuk dua pihak bayaran wang yang ditakdirkan halal terlazim ke atasnya".¹⁴

Hamka pula menerangkan judi sebagai segala permainan yang melalaikan dan dilakukan pertaruhan di dalamnya. Permainan yang dikatakan sebagai judi antaranya adalah domino, daun terup, roulette, dadu, laga ayam, laga kambing dan seumpamanya yang disertai dengan pertaruhan. Manakala sukan yang dikatakan sebagai judi ialah apabila penonton mengadakan pertaruhan untuk menentukan kalah menang pihak yang bertanding.¹⁵

Maulana Abdullah Yusuf Ali¹⁶ di dalam kitab tafsirnya menerangkan bentuk judi yang dikenali di dalam masyarakat Arab ialah judi dengan cara membuang undi dengan menggunakan anak panah atas dasar seperti loteri dijalankan. Anak panah tersebut diberi tanda dan faedahnya seperti tiket loteri di zaman moden.

Cara permainan judi masyarakat Arab ialah dengan

menyembelih dan dibahagikan kepada beberapa bahagian yang tidak sama. Anak-anak panah yang tidak bertanda itu diambil daripada sebuah pundi dari beberapa buah pundi. Setengah daripada anak panah itu kosong tanpa tanda dan mereka yang mengambilnya tidak memperolehi apa-apa hadiah. Anak-anak panah yang lain ada menandakan hadiah-hadiah, baik besar maupun kecil. Keberhasilan memperolehi hadiah yang besar atau kecil atau tidak mendapat sebarang hadiah bergantung sepenuhnya kepada nasib semata-mata. Kecuali jika berlaku penipuan di dalamnya, di mana penipu akan memperolehi hadiah yang bukan kepunyaannya dan bukan dari hasil usahanya.

Dalam pada itu beliau juga berpendapat bahawa permainan menggunakan dadu dan bertaruh adalah tepat dimasukkan di dalam pengertian berjudi.

Di dalam Bahasa Arab judi juga dikenali sebagai 'القمار' menurut takrifan di dalam kamus al-Munjid¹⁷ adalah:

كل لعب يشترط فيه ان يأخذ الخالب من المظروب شيئا مساويا كان بالورق او غيره

Bermaksud: "Setiap permainan yang dijanjikan bahawa yang menang akan mendapat sesuatu dari yang kalah".

Sebagai kesimpulannya berdasarkan takrif-takrif yang dikemukakan mengenai judi, dapatlah dipastikan bahawa judi adalah suatu permainan dengan menggunakan wang atau barang-barang lain sebagai taruhan.

1.2 Dalil-dalil Pengharaman Arak dan Judi

Dalil-dalil pengharaman arak dan judi terkandung di dalam Al-Quran dan as-Sunnah yang jelas menunjukkan tegahan terhadap perbuatan tersebut. Antara dalil-dalil tersebut yang boleh dibahagikan kepada dua bahagian ialah:

a) Dalil Al-Quran

Allah Ta'ala telah berfirman:¹⁸

”يَسْتَلُونَكَ عَنِ الْخمرِ وَالْمَيْسِرِ خُل فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ
وَمَنَافِعُ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرُ مِن نَّفْعِهِمَا”

Maksudnya: "Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) tentang arak dan judi". Katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaatnya bagi manusia tetapi dosa kedua-duanya lebih besar dari manfaatnya".

Lagi firman Allah Taala:¹⁹

”يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخمرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنصَابُ
وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ”

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! bahawa sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak-anak panah adalah (kesemuanya) kotor (keji) dari perbuatan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya".

b) Dalil as-Sunnah

1. Arak

Sabda Rasulullah s.a.w:²⁰

”كل مسكر فهو وكل فهو حرام”

Maksudnya : "Tiap-tiap minuman yang memabukkan adalah khamr dan tiap khamr itu pula adalah haram".

Sabda Rasulullah s.a.w:²¹

"كل مسكر حرام وما اسكر منه الفرق فحل، الكفر
منه حرام"

Maksudnya: "Tiap minuman yang memabukkan adalah haram, apa sahaja yang kadarnya satu tarq (satu sukatan yang kadarnya sebanyak 8.224 liter/6516 gram) memabukkan, maka kadarnya yang segenggam juga adalah haram).

2.) Judi

Rasulullah s.a.w bersabda:²²

"من لعب بالنرد فقد عصى الله تعالى ورسوله"

Maksudnya: "Sesiapa bermain dengan dadu, maka sesungguhnya ia telah melakukan maksiat terhadap Allah Taala dan RasulNya".

Sabda Rasulullah s.a.w:

"من لعب بالشطرنج فقد عصى الله ورسوله"

Maksudnya: "Sesiapa bermain catur maka sesungguhnya ia telah berbuat maksiat terhadap Allah Taala dan Rasulnya".²³

1.3 Sejarah Pengharaman Arak dan Judi

Arak di kalangan Arab Jahiliyyah merupakan sejenis minuman yang mengasyikkan serta sebagai sumber ilham bagi para penyairnya. Manakala (judi) di kalangan mereka ialah judi secara membuang undi menggunakan anak-anak panah. Anak-anak panah diberi tanda dan disediakan hadiah atau faedahnya.²⁴

Menurut keterangan as-Sayuthi di dalam Kitab Asbab an-Nuzul berdasarkan satu riwayat dari Imam Ahmad dari Abu Hurairah yang bermaksud: "Tatkala Rasulullah s.a.w telah sampai ke Madinah, baginda mendapati orang-orang terlalu suka

meminum minuman keras yang memabukkan dan suka pula berjudi serta makan dari hasil perjudian tersebut. Akibatnya ramai yang menjadi pemabuk dan berlaku pertengkaran jika terdapat mereka yang berjudi. Lalu datanglah orang kepada Rasulullah s.a.w untuk bertanyakan mengenai ketentuan hukum terhadap minuman keras dan perjudian".²⁵

Di dalam memperkatakan mengenai hukum terhadap arak dan judi tersebut, Allah Taala telah menurunkan ayat pengharaman secara beransur-ansur atas secara sistematis (التدرج في التشريع). Syariat pengharaman itu boleh dibahagikan kepada tiga peringkat utama.²⁶

Firman Allah Taala:²⁷

يَسْتَأْذِنُكَ عَنِ الْخمرِ وَالْيَيْسْرِ قُلْ خَيْرٌ أَمْ كَبِيرٌ
وَمَا نَفَعُ النَّاسَ وَاشْتُمَا كَبِيرٌ وَنَفَعٌ

Maksudnya: "Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) tentang arak dan judi. Katakanlah kepada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar dari manfaatnya".

Ayat ini ada kaitan dengan riwayat Imam Ahmad dan Abu Hurairah yang menunjukkan jawapan terhadap persoalan mengenai hukum arak dan judi. Jawapan tersebut merupakan perintah daripada Allah Taala kepada Rasulullah s.a.w yang mengandungi unsur-unsur mendidik dan ajaran supaya umatnya berfikir.²⁸ Peringkat pertama ini yang mengajak untuk berfikir dibahagikan kepada dua kaedah iaitu:²⁹

Pertama: melalui maksud ayat "...tetapi dosa keduanya lebih besar dari manfaatnya", menghendaki

pertimbangan di dalam memahami betapa besarnya dosa arak dan judi daripada manfaatnya. Contohnya peminum arak sering hilang pertimbangan, sembahyang tidak menentu, melakukan perkara tidak senonoh di khalayak ramai, malahan rosak rohani dan jasmani kesan dari arak tersebut. Manfaatnya pula hanya kuat tubuh badan dan berani berperang lantaran minum arak terlebih dahulu. Sebaliknya kekuatan dan keberanian tersebut hilang bersama hilangnya pengaruh arak.³⁰

Begitu juga kesan judi yang hanya sedikit manfaatnya. Asalnya jika beroleh keuntungan dari berjudi akan dijadikan sumbangan untuk membantu orang yang hidup melarat. Sebaliknya terbukti perjudian hanya melupuskan wang dan harta kerana kekalahan adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan kemenangan.

① Kedua: Allah Taala telah memerintahkan agar sekalian mukmin mempertimbangkan setiap perbuatan dengan adil dan saksama. Iaitu tidak semua perkara atau perbuatan baik atau buruk semata-mata. Juga tidak menganggap setiap perkara yang disukai adalah benar-benar bermanfaat.

Oleh itu setiap orang diajak berfikir dan berpandangan jauh serta mempertimbangkan antara manfaat dan mudarat. Ini adalah kerana terdapat perbezaan di antara larangan yang menunjukkan terdapat mudarat yang besar dan perintah yang menunjukkan

terdapat faedah yang lebih dari tuntutan itu.³¹

Perintah Allah Taala agar sekelian manusia berfikir dengan mendalam agar mereka menghentikan segala perkara yang dilarang dan menurut serta mematuhi perintah Allah Taala setelah mereka berfikir.³²

Jawapan Allah Taala yang menyatakan dosa serta manfaat arak dan judi membuatkan mereka berfikiran jauh dan cerdas. Iaitu dengan memahami bahawa Allah Taala dan Rasulnya tidak menyukai orang yang beriman dan umatnya yang minum arak dan berjudi. Hasilnya orang-orang yang berfikir telah ramai menghentikan tabiat buruk itu. Oleh kerana tahap pemikiran manusia tidak sama, perbuatan minum arak khususnya tidak terhenti sekaligus disebabkan masih ada orang yang melakukannya.³³

Suatu hari telah terjadi satu kejadian kesan dari minum arak. Di mana seorang Muhajirin yang diminta mengimami solat telah membaca surah dengan lintang pukang dan tidak tentu hujung pangkal. Perbuatan tersebut telah menimbulkan kemarahan sahabat-sahabatnya. Apalagi setelah mereka mengetahui orang itu telah mengimami solat di dalam keadaan mabuk.³⁴

Berikutan kejadian tersebut Allah Taala telah menurunkan ayat pengharaman yang kedua dengan firmanNya:³⁵

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَارَىٰ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mendekati solat sedangkan kamu dalam keadaan mabuk".

Ayat larangan kedua ini ternyata lebih keras lagi. Penekanan ayat ini yang melarang orang-orang yang beriman dari mendekati solat dalam keadaan mabuk ternyata amat keras kerana solat merupakan puncak ibadat mereka. Ketaatan mereka bersegera menunaikan solat dan bersegera berjamaah tiba-tiba akan terhalang hanya disebabkan mereka mabuk. Kesan daripada ayat larangan kedua ini jumlah orang yang tidak minum arak semakin bertambah ramai, tetapi tidak juga terhenti sama sekali.³⁶

Selepas itu telah berlaku satu kejadian di mana salah seorang dari sepuluh orang sahabat yang terpilih iaitu Saad bin Abi Waqas telah minum bersama beberapa orang sahabat Ansar sehingga mereka mabuk. Dalam keadaan mabuk mereka saling membangga-banggakan golongan masing-masing dari golongan Quraisy dan Ansar. Sahabat dari bangsa Ansar yang tidak dapat menahan rasa marah telah memukul hidung Saad dengan tulang dagu kambing hingga berdarah. Walaubagaimanapun perselisihan itu tidak berlarutan kerana mereka berjaya dileraikan.³⁷

Berikutan daripada kejadian pergaduhan itu Allah Taala telah menurunkan ayat larangan ketiga yang secara mutlak mengharamkan arak dan judi selama-lamanya.

Firman Allah Ta'ala:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالذَّنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ
رَجَسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ خَاجْتَنبُوهُ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ

Disertai pula dengan firmanNya:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةَ
وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ
اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَبِهُونَ

Apabila diturunkan ayat ancaman yang keras itu, terlepaslah cangkir dari tangan setiap orang yang mendengarnya. Mereka juga telah mula merasa jijik terhadap arak dan judi yang disifatkan tergelong di dalam perkara yang disifatkan sebagai najis.³⁸ Manakala penghujung ayat 'فهل أنتم منتبهون' yang bermaksud " Tidakkah kamu mahu berhenti", telah menyebabkan Saidina Umar Al-Khattab yang mendengarnya terus berkata: " Sekarang kami berhenti! Kami berhenti, Ya Allah!".³⁹

Sejak itu terhentilah perbuatan minum arak dan berjudi di kalangan mereka. Kedua perkara arak dan judi menjadi suatu kepantangan, kebencian dan kejijukan di dalam agama Islam.

Setelah mereka patuh terhadap larangan minum arak dan berjudi, telah timbul kemusykilan di fikiran mereka tentang sahabat mereka yang gugur di dalam peperangan Badar dan peperangan lain. Timbul pertanyaan dan persoalan di kalangan

, mereka kerana sahabat-sahabat itu mati syahid, sedangkan mereka adalah pemabuk pada waktu itu. Kemusykilan mereka telah dirujukkan kepada Rasulullah s.a.w dengan pertanyaan: "Bagaimana sahabat yang telah mati; dan bagaimana sahabat-sahabat di tempat lain yang bagi mereka minum arak adalah pakaian setiap hari, sedangkan perintah belum sampai kepada mereka?".⁴⁰

Kemusykilan mereka telah dijawab oleh Allah Taala melalui firmanNya:⁴¹

* ليس على الذين آمنوا و عملوا الصالحات جناح فيما طهروا.....

Maksudnya: " tidaklah ada salahnya bagi orang-orang yang beriman dan beramal salih".

Allah Taala menerangkan bahawa mereka adalah orang-orang yang bertakwa. Tambahan pula perbuatan mereka tidak disalahkan kerana perbuatan yang mereka lakukan adalah sebelum penurunan ayat larangan minum arak. Ketakwaan mereka didasarkan kepada ketaatan mereka meninggalkan perkara yang dilarang oleh Allah Taala seperti larangan memakan bangkai, minum darah dan makan daging babi. Mereka juga adalah kalangan sahabat yang dikatakan sentiasa berusaha mempertingkatkan keimanan, ketakwaan dan amal salih setiap waktu. Melalui penjelasan yang sedemikian dan dikuatkan lagi dengan firman Allah Taala yang bermaksud: "...dan Allah Taala menyukai orang-orang yang membuat kebaikan", terjawablah kemusykilan mereka terhadap perbuatan sahabat yang terdahulu.⁴²

1.4 Hikmat Pengharaman Arak dan Judi

Tujuan arak dan judi) diharamkan oleh Allah Taala adalah untuk mengelakkan bahaya dan kemudaratan yang akan menimpa peminum-peminum arak, kaki-kaki judi, masyarakat dan negara. Bahaya dan kemudaratan yang akan ditimbulkan oleh arak dan judi antaranya:

1. Arak merosakkan kesihatan dan melemahkan akal fikiran.⁴³ Rasulullah s.a.w telah menjelaskan kesan tersebut di dalam hadisnya yng membawa maksud:⁴⁴ "Bahawasanya arak itu bukan ubat tetapi adalah sebagai pembawa penyakit".

Kajian ilmiah pula menunjukkan bahawa arak menyebabkan timbulnya banyak penyakit seperti sakit perut, hilang selera makan, perjalanan darah tidak betul, sakit paru-paru, lemah nafsu, sesak nafas, kecacatan pada kandungan, mandul dan sebagainya.

2. Arak adalah punca segala kejahatan. Rasulullah s.a.w telah bersabda yang membawa maksud:⁴⁵ "Khamr adalah punca kejahatan".

Apabila seseorang mabuk ia tidak mempunyai pertimbangan dan akan bertindak menurut hawa nafsu yang mendorong kepada kejahatan. Kejahatan tersebut samada melalui percakapan atau perbuatan tanpa menyedari risiko yang akan dihadapi. Bahkan perlakuan akibat

mabuk mencetuskan kesalahan jenayah seperti rogol, bunuh dan sebagainya.

3. Arak dan judi menyebabkan berlakunya perpecahan dan permusuhan di dalam masyarakat.⁴⁶ Hakikat ini berdasarkan kepada firman Allah Taala:⁴⁷

انما يريد الشيطان ان يوقع بينكم العداوة والبغضاء
في الخمر والميسر

Maksudnya: "Sesungguhnya syaitan menghendaki supaya berlaku permusuhan dan kebencian di antara kamu disebabkan arak dan judi".

Lantaran mabuk seseorang itu tidak mampu menggunakan akalinya untuk mengawal diri dan tingkah lakunya. Kesopanan akan hilang dan terlahir perkataan dan perbuatan yang menyakiti orang lain dan menyebabkan timbul kebencian, pergaduhan bahkan pembunuhan.

Demikian juga dengan perbuatan berjudi yang terdedah kepada risiko kekalahan dan kerugian. Pihak yang mengalami nasib sedemikian akan merasa marah dan akan mencetuskan pergaduhan akibat rasa tidak puas hati.

Kemudaratan arak dan judi akan hanya memecah belahkan perhubungan dan kekeluargaan di antara sesama manusia. Lantaran arak dan judi rumahtangga menjadi tidak tenteram serta porak peranda.

4. Arak dan judi menyebabkan seseorang itu lalai terhadap tuntutan syara' serta tidak mengendahkan perkara-perkara yang ditegah oleh syara'.⁴⁸ Pemabuk dan kaki judi akan mengabaikan peribadatan terhadap Allah Taala dan melanggar perintah tuntutanannya.

Oleh kerana mabuk, mereka tidak lagi mengingati Allah dan kerana judi, fikiran sentiasa tertumpu kepada strategi untuk membolot kemenangan. Perbuatan sedemikian dan kesannya akan menyebabkan solat mereka menjadi tidak ketentuan.⁴⁹

5. Arak dan judi menghabiskan harta. Berikutan dari keasyikan meminum arak manjadi' punca kepada pemabuk untuk melakukan kejahatan lain seperti berjudi, berpoya-poya, pergi ke tempat maksiat, menghabiskan masa, tenaga dan wang ringgit.⁵⁰

Begitu juga perbuatan bermain judi yang akan membuang masa berjudi berhari-hari tanpa mengira siang dan malam. Mereka yang menang akan mendapat harta yang tidak berkat dan mereka yang kalah akan mengalami kerugian dan berterusan berada di dalam kesusahan dan kemiskinan.⁵¹

N O T A R U J U K A N

- (1) Mat Saad Abd Rahman (Dr), Undang-undang Jenayah Islam (Jenayah Hudud), Hal.15.
- (2) Ibid, Hal.15, dipetik dari Al-Zarqani, Syarh al-Zarqani, 8:112; Al-Sheikh Zakaria al-Ansari, Asna al-Matalib, 4:158; Ibn Qudamah, Al-Mughni, 10:326; Dr. Ahmad Fathi Bahnasi, Al-Jaraim, Hal.174; 'Abd. Qadir 'Audah, Al-Tashri' al-Jinai al-Islami, 2:498
- (3) Ibid, Hal. 115, dipetik dari Al-Kasani, Badai' al-Sanai', 5:112; Ibn Qudamah, Ibid, 10:327.
- (4) Ibid, dipetik dari 'Abd. Qadir 'Audah, op.cit; Dr. Ahmad Fathi Bahnasi, op.cit, Hal. 174, 175, 179.
- (5) Ibid, Hal.115,116.
- (6) Ibid, Hal.116.
- (7) Ibid.
- (8) Maulana Abdullah Yusuf Ali Diterjemah Oleh Abu Salah Muhammad 'Uthman El-Muhammady, Al-Quran Al-Karim (Terjemahan dan Huraian Maksud), Hal.150.
- (9) Al-Qurtubi, Abi Abdillah Mohd bin Ahmad Al-Ansari, Al-Jami'u li-Ahkam Al-Quran, Hal.52.
- (10) Ibid, Hal.53.
- (11) Ibid.
- (12) Kamus Dewan (Edisi Baru), Hal.503.
- (13) Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam, Laporan Penyelidikan Penglibatan Orang Islam Dalam Perjudian Sports Toto/Magnum, Hal.5.
- (14) Ibid, Hal.5.
- (15) Hamka (Prof. Dr), Tafsir Al-Azhar, Juz.7,8,9, Hal.41-42.
- (16) Maulana Abdullah Yusuf Ali Diterjemah Oleh Abu Salah Muhammad 'Uthman El-Muhammady, op.cit, Hal.150-152.
- (17) Al-Bustani, Fuad al-Ifrad, Munjid al-Tullab, Hal.653.
- (18) Surah Al-Baqarah, 2:219.
- (19) Surah Al-Maidah, 5:90.

- (20) Mat Saad Abd. Rahman (Dr), op.cit, Hal.113,114.
- (21) Ibid.
- (22) Syeikh Muhammad Abduh disusun oleh Syed Muhammad Rasyid Redha, Tafsir Al-Manar, Hal.238.
- (23) Ibid.
- (24) Mat Saad Abd. Rahman (Dr), op.cit, Hal.111.
- (25) Hamka (Prof.Dr), op.cit, Juz.1,2,3, Hal.190.
- (26) Ibid, Hal.192,193.
- (27) Surah Al-Baqarah, 2:219.
- (28) Hamka (Prof.Dr), op.cit, Juz.1,2,3, Hak.191.
- (29) Ibid, Hal.191.
- (30) Ibid, Hal.192.
- (31) Ibid.
- (32) Ibid.
- (33) Ibid.
- (34) Ibid.
- (35) Surah An-Nisa', 4:43.
- (36) Hamka (Prof.Dr), op.cit.
- (37) Ibid.
- (38) Ibid.
- (39) Ibid, Hal.193
- (40) Ibid.
- (41) Surah Al-Maidah, 5:93.
- (42) Hamka (Prof.Dr), op.cit, Juz.7,8,9, Hal.45,46.
- (43) Muhammad Ali As-Sabuni, Rawai' al-Bayan Tafsir Aayaat al-Ahkam Min Al-Quran, Hal.269.
- (44) Mahfodz Mohamad (Dr), Jinayah Dalam Islam, Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-hukum Hudud, Hal.81.
- (45) Ibid.

(46) Ibid.

(47) Surah Al-Maidah, 5:91.

(48) Mahfodz Mohamad (Dr), op.cit, Hal.81.

(49) Hamka (Prof.Dr), op.cit, Juz.7,8,9, Hal.43.

(50) Mahfodz Mohamad (Dr), op.cit, Hal.82.

(51) Hamka (Prof.Dr), op.cit, Juz.7,8,9, Hal.43.

BAB KEDUA

PERUNTUKAN KESALAHAN ARAK DAN JUDI DI DALAM ENAKMEN

2.1 Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987. Pengenalan dan perkembangan.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang No.8 tahun 1982 mula berkuatkuasa pada 1hb. Januari, 1983.¹ Melalui penguatkuasaan ini semua sekali Enakmen Tadbiran Agama Islam tahun 1956, Enakmen Tadbir Agama Islam (Pindaan) tahun 1960, Enakmen Tadbir Agama Islam (Pindaan No.2) tahun 1960 dan Enakmen Tadbir Agama Islam (Pindaan) tahun 1963 terbatal.²

Enakmen No.8/1982 ini telah dibuat penambahan peruntukan seksyen, penambahan bidangkuasa mahkamah serta penambahan beberapa perkara baru termasuk menggariskan acara dalam perbicaraan jenayah dan dalam perbicaraan mal. Penambahan yang dibuat telah membentuk satu enakmen iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang tahun 1982 yang mengandungi lapan bahagian dengan dua ratus lima puluh seksyen.³

Dalam jangkamasa lebih kurang tujuh tahun sejak enakmen yang dinamakan Enakmen Ibu ini dilaksanakan, beberapa undang-undang yang dahulunya terkandung di dalam enakmen ini telah dipisahkan menjadi undang-undang yang berasingan. Berikutan pengasingan ini beberapa bahagian dan peruntukan seksyen

telah dibatalkan atau dipinda. Undang-undang yang telah dipisahkan dan menjadi undang-undang yang berasingan terbahagi kepada dua bahagian iaitu:⁴

a) Enakmen undang-undang yang dipakai

Enakmen undang-undang yang dipakai terdapat lima jenis seperti:

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang No.8/1982 Pindaan No.7/1987. Di dalam enakmen ini bahagian ix, x, xi, xii masih lagi digunapakai sebelum diluluskan enakmen baru. Sementara bahagian i,ii,iii,iv,v,vi dan vii telah dimansuhkan.

2. Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 1987 yang berkuatkuasa mulai 1hb. Mei, 1988 yang memansuhkan bahagian iv dan v seksyen 140, 141, 142, 143, 148, 151, 152, 153 dan 154 Enakmen Ibu.

3. Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991.

4. Enakmen Keterangan Mahkamah Syari'ah No.1 1990.

5. Peraturan-peraturan Peguam Syar'ie 1990.

b) Enakmen yang belum diluluskan

Enakmen yang belum diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri adalah:

1. Rang Undang-undang Jenayah Syari'ah 1990.

2. Rang Undang-undang Acara Mal Mahkamah 1990.
3. Rang Undang-undang Zakat dan Fitrah Negeri Pahang, 1990.

Berikutan dengan Muslim Court (Criminal Jurisdiction) Amendment act tahun 1984 yang berkuatkuasa mulai 1hb. Januari, 1986, di mana Parlimen telah memberi tambahan bidangkuasa hukuman kepada Mahkamah Syari'ah di seluruh negeri yang membawa kepada penggubalan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982. Hasil dari penggubalan tersebut enakmen ini dikenali sebagai Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987 yang telah berkuatkuasa mulai 1hb. Januari, 1988.⁵

2.2 Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan . Organisasi dan Peranan.

Bahagian Penguatkuasaan diketuai oleh seorang Ketua Penolong Pengarah yang bertanggungjawab secara langsung ke atas Unit Pendakwaan dan Penguatkuasaan.⁶

Di peringkat Jabatan Unit Penguatkuasaan dibantu oleh dua orang pegawai iaitu Penolong Pengarah dan Pegawai Penguatkuasa Tingkatan Kanan. Manakala Unit Pendakwaan juga terdapat dua orang pegawai yang membantunya iaitu Pegawai Pendakwa Negeri.⁷

Di dalam urusan pentadbiran seorang pegawai kerani,

jurutaip dan pembantu am rendah ditempatkan bagi mengendalikan urusan pentadbiran dan pengurusan pejabat.⁸

Di peringkat daerah seorang pegawai penguatkuasa ditempatkan di setiap pejabat kadi daerah bagi menjalankan tugas dan aktiviti bahagian. Manakala di Unit Pendakwaan tidak ada pegawai yang khusus dilantik. Sebagai alternatif untuk mengurangkan kes-kes tertangguh, guru-guru pelawat agama telah diberikan tauliah untuk menjalankan tugas sebutan kes di Mahkamah Kadi Daerah.⁹

Alat-alat kelengkapan yang dibekalkan untuk menjalankan tugas untuk unit ini terdiri daripada sebuah kenderaan jenis pajero, dua buah kamera, dua buah pita rakaman dan beberapa buah lampu.¹⁰

Pembentukan unit ini bertujuan untuk membanteras segala kemungkaran, maksiat, khurafat, ajaran salah serta untuk mengujud dan membentuk masyarakat yang bebas dari gejala kemaksiatan dan kemungkaran.¹¹

Unit ini menjalankan peranan melaksanakan tugas berdasarkan kepada bidangkuasa yang diperuntukkan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang dan Enakmen Keluargan Islam.¹²

Ruang lingkup peranan unit ini adalah membabitkan tugas memberi penerangan undang-undang, menerima dan mendapatkan maklumat, menyiasat, membuat tangkapan samada secara sendirian atau operasi bersama badan lain hingga kepada tugas

menjalankan pendakwaan atas segala kes yang dilaporkan kepada Mahkamah Syari'ah di seluruh daerah di negeri Pahang dan Mahkamah Ulangbicara.¹³

2.3 Peruntukan Kesalahan dan Tangkapan

Kesalahan arak dan judi telah diperuntukkan di Dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang sebagai satu kesalahan jenayah syari'ah. Penjelasan mengenai kesalahan-kesalahan jenayah syari'ah tersebut dinyatakan di bawah bahagian ix mengenai kesalahan seperti berikut:

2.3.1 Seksyen 136 menyatakan: "Sesiapa jua orang Islam dalam mana-mana kedai atau tempat awam, menjual, membeli atau meminum arak adalah melakukan suatu kesalahan...".¹⁴

Peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa kesalahan arak atau minuman yang memabukkan mencakupi penjual, pembeli dan peminum arak.

Peruntukan ini juga menjelaskan bahawa perbuatan tersebut dianggap sebagai kesalahan jika dilakukan di dalam kedai atau di tempat awam.

2.3.2 Seksyen 169 mengenai kesalahan yang dianggap sebagai penghinaan terhadap pihak berkuasa agama atau sultan menyatakan: "Sesiapa yang tidak patuh kepada titah perintah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan selaku Ketua Agama Negeri atau terhadap apa-apa arahan yang sah dari Majlis, mana-mana jawatankuasanya atau pegawainya atau terhadap

hukuman, perintah atau arahan mana-mana Mahkamah termasuk Mahkamah Ulangbicara atau pegawai-pegawai Masjid adalah melakukan suatu kesalahan".¹⁵

Peruntukan seksyen 169 ini adalah urutan daripada Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang Perintah di Bawah Fasal (1) Perkara (24):

"Maka oleh yang demikian beta Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah..., Sultan dan Raja Pemerintah bagi Negeri Pahang Darul Makmur dan semua Jajahan Takluknya DENGAN INI MEMERINTAHKAN bahawa mulai dari hari ini rakyat Malaysia yang beragama Islam adalah dilarang melawat tempat yang dilesenkan oleh Menteri Kewangan untuk perjudian di bawah peruntukkan Common Gaming Houses Ordinance 1953 dan lazimnya dikenal sebagai Kasino di dalam premis Syarikat Genting Highlands Sdn. Bhd. yang terletak di atas tanah berketerangan H.S (D) 2028 Lot.No.P.T.2063/50B Mukim Bentong dalam Daerah Bentong, Negeri Pahang".¹⁶

Kesalahan judi yang termasuk di dalam seksyen 169, sebagaimana yang dinyatakan di dalam Undang-undang Tubuh tersebut menunjukkan bahawa kesalahan judi hanya mengaitkan perbuatan melawat atau memasuki Kasino yang terletak di Genting Highlands.

Menyentuh mengenai tangkapan, terdapat dua kaedah tangkapan yang diperuntukkan seperti berikut:

- a) Kes di bawah seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Agama

Islam dan Adat Resam Melayu Pahang mengenai kes yang boleh ditangkap tanpa waran yang termasuk di dalamnya kuasa terhadap kes arak.¹⁷

b) Kes di bawah seksyen 50 Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang menyentuh mengenai kes tangkapan dengan waran. Kes di bawah seksyen 50 ini melibatkan kesalahan judi atau lebih khusus bagi kesalahan memasuki Kasino di Genting Highlands.¹⁸

Manakala kuasa menangkap tanpa waran ada diperuntukkan sebagaimana yang terdapat di dalam seksyen 51 yang menggariskan kuasa terletak pada:¹⁹

1. Merinyu Agama/Pegawai Penerangan agama
2. Penghulu
3. Ketua Kampung
4. Imam
5. Khatib
6. Pemeriksa Hal ehwal Agama dan
7. Pegawai Polis

Sebaliknya bagi kes tangkapan dengan waran, tangkapan dan pendakwaan tidak boleh dijalankan kecuali setelah mendapat waran dan kebenaran bertulis daripada mufti. Syarat ini ada dinyatakan di dalam seksyen 188 iaitu:²⁰

"Pendakwaan tiada boleh dijalankan di atas kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen 159,160,163,164 dan 169 dalam enakmen ini melainkan dengan keizinan bertulis daripada mufti".

2.4 Kaedah Sabitan Arak dan Judi Menurut Syara' dan Enakmen

Terlebih dahulu dinyatakan bahawa terdapat perbezaan di antara jenayah arak dan judi di dalam pengkategorian jenayah syari'ah. Di dalam menetapkan pengkategorian tersebut, fuqaha' telah menetapkannya sebagai maksiat yang dibahagikan kepada tiga jenis maksiat iaitu:²¹ 1m11

- a) Maksiat yang mewajibkan hukuman had,
- b) Maksiat yang hukumannya berbentuk kifarah dan
- c) Maksiat yang tiada hukuman had dan tiada hukuman kifarah.

➤ Berbeza dengan kesalahan judi kesalahan arak adalah tergolong di dalam kategori maksiat yang pertama dan ada hukuman tersendiri iaitu hukuman hudud. Kesalahan judi pula bolehlah dimasukkan di dalam kategori maksiat yang ketiga. Di mana fuqaha' sepakat mengatakan bahawa maksiat jenis ini tidak akan dikenakan apa-apa hukuman selain dari ta'zir semata-mata serta dengan ketetapan bahawa maksiat ini tidak terkeluar dari tiga bentuk berikut:²²

- a) Maksiat yang mewajibkan hukuman hudud tetapi tidak dapat dilaksanakan hukuman hudud kerana tidak cukup syarat,
- b) Maksiat yang mewajibkan hukuman hudud tetapi tidak dapat dilaksanakan hukuman hudud kerana ada syubhah, dan

c) Maksiat yang bukan dari jenis kesalahan hudud. Di mana kesalahan judi boleh dikategorikan di dalamnya.

Secara perbandingan, kesalahan jenayah arak adalah jenayah yang dinyatakan dengan jelas kaedah sabitannya oleh fuqaha'. Sebaliknya kesalahan jenayah judi tidak dibincangkan oleh fuqaha' dan bersesuaian dengan kedudukannya sebagai kesalahan jenayah yang hanya dikenakan hukuman ta'zir. Oleh yang demikian, perbincangan kaedah sabitan dari sudut ketetapan syar'ie menjurus kepada jenayah arak.

Untuk menyabitkan kesalahan jenayah arak atau minum arak terdapat dua unsur penting dijadikan sebagai garispanduan. Kedua-dua unsur penting tersebut adalah:

a) Perbuatan Meminum Minuman Berkeñaan

Menurut Jumhur²³ perbuatan ini akan wujud apabila seseorang itu meminum minuman yang bersifat memabukkan dan akan menyebabkan peminumnya mabuk. Orang yang minum minuman berkeñaan boleh dikenakan had apabila perbuatan tersebut menepati syarat-syarat yang berikut:

1. Baligh dan berakal.²⁴

Jika perbuatan tersebut dilakukan oleh orang gila atau kanak-kanak, ia tidak dianggap sebagai perbuatan jenayah dan tidak diwajibkan had.

2. Islam tidak menjadi syarat.²⁵

Menurut pendapat Jumhur seorang kafir zimmi atau musta'min wajib dihukum had jika meminum minuman keras (arak). Alasannya adalah kerana semua agama samawi mengharamkan minuman keras untuk menjaga kepentingan masyarakat dan memelihara daripada kebinasaan.²⁶

Abu Hanifah pula mengatakan bahawa mereka tidak dianggap melakukan jenayah dan tidak dikenakan had atas perbuatan tersebut. Arak adalah minuman yang diharuskan atas golongan tersebut kerana ia adalah harta yang bernilai buat mereka. Sebaliknya jika perbuatan minum tersebut menyebabkan mereka mabuk, hukuman had boleh dikenakan berikutan dengan kehendak semua agama samawi yang mengharamkan mabuk.²⁷

3) Hendaklah dilakukan dengan sukarela, tidak dipaksa atau terpaksa.²⁸

Berkaitan dengan syarat ini terdapat sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "Umatku tidak akan dipersalahkan sekiranya ia melakukan sesuatu kerana tersalah atau terlupa atau dipaksa".

Juga Firman Allah Taala:²⁹

”مَنْ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ“

Maksudnya: "Sesiapa yang terpaksa tanpa berniat jahat maka tidaklah ada dosa atasnya".

4) Pengambilan minuman tersebut hendaklah melalui

mulut dan sekurang-kurangnya telah sampai kepada halkumnya.³⁰

Jika mengikut syarat ini, hukuman had tidak akan diwajibkan jika minuman yang memabukkan dimasukkan melalui suntikan atau melalui tebukan di leher dan seumpamanya.³¹

b) Niat jahat

Unsur niat jahat dalam kesalahan meminum minuman keras terbentuk jika peminum tersebut mengetahui benda yang diminum adalah arak atau minuman yang memabukkan.³²

Berhubung dengan peruntukan enakmen tentang kaedah sabitan ini, tiada disebutkan secara khusus untuk jenayah ini. Sebaliknya kaedah untuk manyabitkan kesalahan bolehlah dirujuk kepada kaedah syara' sepertimana yang diperuntukkan di dalam Enakmen Keterangan yang menyatakan:

"Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan atau mana-mana peruntukan dalam Enakmen ini tidak menyatakan apa-apa perkara dengan jelas, Mahkamah hendaklah merujuk kepada Hukum syara'".³³

2.4.1 Acara dan Keterangan Dalam Kes-kes Meminum Arak

Kesalahan meminum arak boleh disabitkan melalui tiga cara:

a) Keterangan saksi

Bilangan saksi disyaratkan seramai dua orang saksi beserta syarat seperti syarat saksi kesalahan hudud

yang lain. Menurut Imam Abu Hanifah³⁴ keterangan saksi tersebut hendaklah dibuat ketika seseorang itu disaksikan minum arak atau sedang mabuk. Kesaksian tersebut boleh diterima jika dibuat tidak lama selepas kejadian iaitu dalam masa bau arak belum hilang dari mulut tertuduh.

Berlainan dengan pendapat Muhammad al-Syaibani yang tidak meletakkan syarat ada bau ketika menyaksikan kejadian minum atau mabuk. Bahkan masa yang ditentukan untuk diterima kesaksian adalah sehingga sebulan selepas kesalahan dilakukan.³⁵

Secara keseluruhannya kebanyakan ulama' tidak menerima pendapat Imam Abu Hanifah tentang tempoh kesaksian tersebut sebagai syarat penerimaan kesaksian.³⁶

b) Iqrar

Kesalahan meminum arak boleh disabitkan dengan iqrar peminum sendiri. Iqrar tersebut memadai sekali sahaja menurut pendapat empat mazhab yang berbeza pendapat dengan Abu Yusuf yang meletakkan syarat dua kali sesuai dengan dua orang saksi.³⁷

Tempoh yang diperuntukkan untuk diterima iqrar berdasarkan pendapat Abu Hanifah dan Abu Yusuf³⁸ dalam masa masih ada bau arak di mulut peminum. Manakala kebanyakan ulama' menerima pengakuan selepas kejadian

walaupun di dalam apa-apa keadaan sekalipun.

c) Bau arak/bukti

Menurut pendapat Imam Malik³⁹ dan riwayat Imam Ahmad⁴⁰ bau arak boleh mensabitkan kesalahan sungguhpun tiada saksi yang melihat. Malah dalam keadaan kesaksian dua orang mengenai bau arak di mulut atau seorang melihat dan seorang terbau boleh menjadi sabitan.

Imam Abu Hanifah,⁴¹ Syafie⁴² dan satu riwayat dari Imam Ahmad⁴³ menyatakan bau arak di mulut seseorang tidak boleh menjadi sabit kesalahan. Menurut Abu Hanifah⁴⁴ kesalahan boleh disabitkan hanya apabila terdapat bau arak beserta seorang saksi yang melihat perbuatan minum arak itu.

Bagi mereka yang berpendapat bau arak boleh menjadi sabitan kesalahan, mereka berpandukan kepada hukuman sebat oleh Ibn Mas'ud ke atas seorang lelaki yang berbau arak di mulutnya. Juga berdasarkan kepada riwayat daripada Saidina Umar yang bermaksud: "Aku dapati mulut Ubaidillah berbau arak dan kemudiannya dia mengaku telah minum air anggur (*نطرا*). Kemudian Saidina Umar bertanya kepadanya jika ia mabuk maka aku akan menghukum sebat ke atasnya".⁴⁵

Bagi mereka di kalangan ulama' yang tidak menerima bau arak sebagai bukti pula beralasan bahawa bau arak di mulut hanya kemungkinan dari perbuatan berkumur

sahaja atau makan makanan yang berbau serupa dengan bau arak.⁴⁶

d) Dalam keadaan mabuk

Menurut pendapat mazhab Hanafi⁴⁷ seseorang yang di dalam keadaan mabuk dan disaksikan oleh dua orang saksi cukup untuk menyabitkan kesalahan.

Berbeza pula dengan pendapat mazhab Syafi'e dan riwayat Imam Ahmad⁴⁸ yang tidak menerima kaedah tersebut. Keadaan mabuk tersebut menurut mereka berkemungkinan dari keadaan tidak sengaja, terpaksa atau dipaksa minum.

Manakala pendapat Imam Malik daripada salah satu riwayat Imam Ahmad⁴⁹ menyatakan bau arak memadai sebagai bukti dan lebih terbukti lagi apabila didapati berada dalam keadaan mabuk.

2.5 Peruntukan Hukuman Secara Perbandingan

Sebagaimana kaedah sabitan demikian juga dengan peruntukan hukuman menurut syara' di mana hanya terdapat peruntukan mengenai hukuman arak sahaja yang dibincangkan oleh fuqaha'.

2.5.1 Kesalahan Jenayah Minum Arak Menurut Syara'

Hukuman ke atas kesalahan ini berdasarkan kepada beberapa dalil seperti berikut:

a) Sabda Nabi s.a.w: 50

”من شرب الخمر فاجلدوه“

Maksudnya: "Barangsiapa minum arak maka sebatlah dia".
(Hadis Riwayat Ahmad dari Abdullah Ibn Amru)

b) Sabda Nabi s.a.w: 51

”لعن الله الخمر وشاربها وساقيها وبائعها ومبتاعها
وعاصرها وعصرها وحاملها وحملت اليها“

Maksudnya: "Allah s.w.t telah melaknati arak, peminum,
pemberi minum, penjual, pembeli, pemerah, orang yang
diperah untuknya, pembawa dan orang dibawa kepadanya
arak". (Hadis Riwayat Abu daud dari Ibn Umar)

c) Telah sabit daripada Nabi s.a.w bahawa baginda pernah memukul peminum arak. Berdasarkan riwayat daripada Anas bin Malik r.a yang bermaksud: "Telah dibawa kepada Rasulullah s.a.w seorang yang telah meminum arak. Baginda lalu memukulnya dengan kasut sebanyak empat puluh kali. Begitu juga Abu Bakar, pernah memukul peminum arak sebanyak itu. Apabila sampai pada zaman Umar, beliau bertanya sahabat-sahabatnya tentang hudud. Jawab Ibn 'Auf: "Sekurang-kurang hudud ialah sebanyak lapan puluh kali pukul" ".52

Dari dalil-dalil tersebut, ulama' bersependapat dengan peruntukan hukuman sebat terhadap orang yang minum arak. Sebaliknya, telah timbul percanggahan pendapat di kalangan mereka dalam menentukan jumlah sebatan yang harus dikenakan.

Imam Abu Hanifah⁵³, Malik⁵⁴ dan satu riwayat dari Imam Ahmad⁵⁵ mengatakan kadar hukumannya ialah sebanyak lapan puluh kali. Pendapat mereka berdasarkan kepada riwayat daripada Abu Said Al-Khudri dan Ali bahawa Nabi Muhammad s.a.w telah menghukum orang yang minum arak sebanyak empat puluh kali sebat. Apabila tiba zaman Saidina Umar, beliau telah meminta nasihat dari para sahabat, lalu Abdul Rahman bin 'Auf berkata dengan maksudnya:⁵⁶ "Seringan-ringgan hudud ialah lapan puluh kali sebat, kemudian Umar pun menetapkan hukuman itu sebanyak lapan puluh kali".

Pendapat mereka juga berdasarkan kepada riwayat daripada Anas yang menyebutkan tindakan Nabi s.a.w yang pernah memukul peminum arak dengan dua belah kasutnya sebanyak empat puluh kali yang tentu sekali berjumlah lapan puluh kali.⁵⁷

Menurut Imam Syaf'ie dan satu riwayat dari Imam Ahmad, kadar sebatan ke atas peminum arak adalah sebanyak empat puluh kali. Pendapat ini berasaskan kepada hukuman yang telah dijalankan oleh Saidina Ali ke atas Al-Walid bin Uqbah dengan empat puluh kali sebatan dan beliau telah berkata yang bermaksud: "Nabi Muhammad s.a.w menghukum sebat sebanyak empat puluh kali, begitu juga Abu Bakar tetapi Umar menghukum sebat sebanyak lapan puluh kali, semuanya sunnah dan yang ini lebih aku sukai".⁵⁸

Mereka yang bersetuju dengan hukuman empat puluh kali sebatan mengatakan perbuatan Nabi adalah hujah yang tidak

boleh boleh ditinggalkan. Oleh itu perbuatan mengikut orang lain dan ijma' yang bertentangan dengan perbuatan Nabi s.a.w, Saidina Abu Bakar dan Saidina Ali tidak boleh diterima sebagai hujah.⁵⁹

Menurut mereka hukuman ini adalah hukuman had dan bermakna ia tidak boleh dikiaskan sama sekali. bagi mereka perkataan Abdul Rahman bin 'Auf dan Ali bin Abi Talib serta tindakan yang dilakukan oleh Saidina Umar semuanya berasaskan ijtihad mereka tentang hukum yang sudah ada nas. Manakala mengenai tindakan Saidina Umar menambah bilangan hukuman sebat tidak dianggap oleh mereka sebagai hukuman ta'zir. Alasan mereka hukuman hudud tidak boleh ditambah dengan hukuman lain, kecuali jika peminum arak melakukan kesalahan lain pula.⁶⁰

2.5.2 Peruntukan Kesalahan Arak dan Judi Dalam Undang-undang Pahang

Di Negeri Pahang dengan merujuk kepada undang-undang awalnya iaitu Undang-undang Negeri Pahang dalam masa pemerintahan (Sultan Abd. Ghafar Muhaiyuddin Shah (1592-1614)) yang tercatat di dalam peruntukan (52) menyebutkan:⁶¹

"Peri pada menyatakan hukum orang yang minum arak atau tuak atau segala yang memabukkan. Hukumnya empat puluh kali dipalu, jika merdehika; dua puluh jika hamba orang. Bermula dihadkan dengan dua perkara, suatu dengan ikrar, suatu dengan dua orang saksi laki-laki; tiada dihadkan dengan dicitum bau

arak atau tuak mulutnya".

Undang-undang ini menunjukkan bahawa di Negeri Pahang pernah mengamalkan undang-undang berdasarkan hukum syara'.

Seterusnya merujuk kepada peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 yang memperuntukkan:

a) Mengenai minuman yang memabukkan: "... dan apabila sabit bolehlah dihukum denda tidak lebih daripada satu ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada lima belas hari".⁶²

b) Mengenai judi (masuk kasino) atau penghinaan terhadap pihak berkuasa agama: "... dan apabila sabit bolehlah dihukum denda dan tidak lebih daripada tiga bulan atau kedua-duanya".⁶³

Peruntukan hukuman arak dan judi (masuk kasino) di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 telah berubah dengan penambahan bidangkuasa hukuman oleh Parlimen. Penguatkuasaan Muslim Court (Criminal jurisdiction) Amendment Act 1984 mulai 1hb. Januari 1984 telah menambah bidangkuasa hukuman kepada Mahkamah Syariah seluruh negeri seperti berikut:⁶⁴

a) Penjara tidak melebihi tiga tahun berbanding dahulu selama enam bulan,

b) Denda tidak melebihi RM 5,000 berbanding dahulu RM1,000 dan

c) Sebat tidak melebihi enam kali atau gabungan dengan mana-mana satu darinya.

Melalui penambahan hukuman tersebut, Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 telah dipinda dengan pindaan Bil.7 Tahun 1987 yang menambah hukuman arak dan judi (masuk kasino) seperti berikut:

a) Seksyen 4 pindaan bagi seksyen 136 menyatakan: "Seksyen 136 Enakmen Ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "satu ratus ringgit atau penjara tidak lebih daripada lima belas hari" dengan perkataan-perkataan "lima ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya dan sebat tidak lebih daripada enam kali sebatan".⁶⁵

b) Seksyen 26 pindaan bagi seksyen 169 menyatakan: "Seksyen 169 Enakmen Ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "dua ratus lima puluh ringgit atau penjara tidak melebihi daripada tiga bulan" dengan perkataan-perkataan "dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada satu tahun".⁶⁶

N O T A R U J U K A N

- (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987, Seksyen. 1, Hal.77.
- (2) Haji Muttalib bin Hj. Mohd Ali Al-Fakwie (Dato'), Pengenalan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982, Hal.1.
- (3) Ibid.
- (4) Ibid, Hal.1,2; Taklimat fungsi dan Prestasi Jabatan Agama Islam, 1993, Hal.30.
- (5) Haji Muttalib bin Hj. Mohd Ali, op.cit, Hal.4.
- (6) Taklimat Fungsi dan Prestasi Jabatan Agama Islam 1993, Hal.30.
- (7) Ibid, Hal.30.
- (8) Ibid, Hal.31.
- (9) Ibid, Hal.31.
- (10) Ibid.
- (11) Ibid, Hal.30.
- (12) Ibid.
- (13) Ibid.
- (14) Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987, Hal.30.
- (15) Ibid, Hal.141.
- (16) Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang, Bahagian Pertama, 1993, Hal.205,206.
- (17) Haji Muttalib bin Hj. Mohd Ali Al-Fakwie (Dato'), op.cit, Hal.5.
- (18) Ibid.
- (19) Ibid.
- (20) Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987, Hal.146.
- (21) Paizah Haji Ismail, Undang-undang Jenayah Islam, Hal.254.

- (22) Ibid, Hal.255.
- (23) Ibid, Hal.203 dipetik dari Al-Syirazi, Al-Muhazzab, Jld.2, Hal.286; Ibn Qudamah, Al-Mughni, Jld.9, Hal.195; Az-Zarqani, Syarh, Jld.8, Hal.112.
- (24) Mahfodz Mohamad (Dr), Jinayah Dalam Islam (Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-hukum Hudud), Hal.84.
- (25) Ibid, Hal.84.
- (26) Ibid, Hal.85 dipetik dari Abu Zahra, Al-'Uquba, Hal.190.
- (27) Ibid, dipetik dari Al-Kasani, Badai', Jld.7, Hal.49.
- (28) Paizah Haji Ismail, op.cit, hal.203.
- (29) Surah Al-Baqarah, 2:173.
- (30) Paizah Haji Ismail, op.cit, Hal.203, dipetik dari Al-Hajjawi, Al-Iqna', Jld.4, Hal.267.
- (31) Mahfodz Mohamad (Dr), op.cit, Hal.85.
- (32) Paizah Haji Ismail, op.cit, Hal.204.
- (33) Enakmen Keterangan Mahkamah syariah No.1 1990, Seksyen 100(2), Hal.57.
- (34) Mahfodz Mohamad (Dr), op.cit, Hal.87 dipetik dari Ibn al-Humam, Syarh Fath al-Qadar, Jld.4, Hal.178.
- (35) Ibid, Hal.87, dipetik dari Ibn al-Humam, Ibid, Jld.4, Hal.164,165.
- (36) Ibid, Hal.87 dipetik dari Awda, Al-Tashri' Al-Jinai, Jld.2, Hal.510.
- (37) Ibid, Hal.87,88, dipetik dari Al-Syaranbalali, Hashiya, Jld.2, Hal.70.
- (38) Ibid, Hal.88, dipetik dari Ibn al-Humam, op.cit, Jld.4, Hal.186.
- (39) Paizah Haji Ismail, op.cit, Hal.208, dipetik dari Az-Zarqani, Syarh, Jld.8, Hal.113.
- (40) Paizah Haji Ismail, Ibid, dipetik dari Ibn Qudamah, Al-Mughni, Jld.9, Hal.162.
- (41) Paizah Haji Ismail, Ibid, dipetik dari Ibn Humam, op.cit, Jld.5, Hal.308.
- (42) Paizah Haji Ismail, ibid, dipetik dari Ar-Ramli, Nihayah, jld.8, Hal.14.

- (43) Paizah Haji Ismail, Ibid, dipetik dari Ibn Qudamah, op.cit, Jld.9, Hal.162.
- (44) Mahfodz Mohammad (Dr), op.cit, Hal.89.
- (45) Ibid, dipetik dari Awda, op.cit, Jld.2, Hal.511.
- (46) Ibid, dipetik dari Ibn Qudamah, op.cit, Jld.10, Hal.332; Al-Ramli, op.cit, Jld.8, Hal.14.
- (47) Ibid, dipetik dari Ibn Humam, op.cit, Jld.4, Hal.184.
- (48) Ibid, Hal.89,90, dipetik dari Al-Ramli, Ibid, Jld.8, Hal.14.
- (49) Ibid, Hal.90, dipetik dari Ibn Qudamah, op.cit, Jld.10, Hal.332.
- (50) Paizah Haji Ismail, op.cit, Hal.204, dipetik dari As-Syaukani, Nail al-Autar, Jld.7, Hal.324.
- (51) Ibid, Hal.204,205, dipetik dari Al-Haithami, Majma' az-Zawaid, jld.5, Hal.73.
- (52) Ibid, Hal.205, dipetik dari As-Syaukani, op.cit, Jld.7, Hal.314-324.
- (53) Ibid, dipetik dari Ibn Humam, op.cit, Jld.5, Hal.310.
- (54) Ibid, dipetik dari Az-Zarqani, op.cit, Jld.8, Hal.113.
- (55) Ibid, dipetik dari Ibn Qudamah, op.cit, Jld.9, Hal.159,161.
- (56) Mahfodz Mohamad (Dr), op.cit, Hal.91, dipetik dari Muslim, Shahih, Jld.2, Hal.57.
- (57) Paizah Haji Ismail, op.cit, Hal.205, dipetik dari As-Syaukani, op.cit, Jld.7, Hal.314-324.
- (58) Mahfodz Mohamad (Dr), op.cit, Hal.91, dipetik dari Muslim, op.cit, Jld.2, Hal.57; Abu Daud, J.s.h. 473.
- (59) Ibid, Hal.92, dipetik dari Ibn Qudamah, op.cit, Jld.10, Hal.329; Al-Ansari, Usni al Matalib, Jld.4, Hal.160.
- (60) Paizah Haji Ismail, op.cit, Hal.205,206, dipetik dari As-Syirazi, Al-Muhazzab, Jld.2, Hal.286; Ibn Qudamah, op.cit, Jld.9, Hal.161.
- (61) Ahmad Ibrahim (Prof. Tan Sri), Perlaksanaan Undang-undang Hudud di Malaysia, Bengkel Hudud II, Hal.11.
- (62) Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan adat Resam Melayu Pahang 1982, seksyen.136, hal.130.

(63) Ibid, seksyen.169, Hal.141.

(64) Haji Muttalib bin Hj Mohd Ali Al-Fakwie (Dato'),
op.cit, Hal.4.

(65) Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu
Pahang 1982 Pindaan 1987, Hal.166.

(66) Ibid, Hal.170.

BAB KETIGA

PERUNTUKAN KESALAHAN JENAYAH SYARI'AH ARAK DAN JUDI.

PERLAKSANAAN DAN PERMASALAHANNYA

3.1 Perlaksanaan

3.1.1 Operasi, Siasatan, Tangkapan

Peranan bagi menguatkuasa dan melaksanakan peruntukan kesalahan arak dan judi telah dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan. Selain daripada kesalahan arak dan judi, bahagian ini turut mengendalikan lebih empat puluh lapan kesalahan lain.

Di dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut, bahagian ini telah dan sentiasa mengatur operasi-operasi tertentu. Berdasarkan kepada jadual operasi yang telah dijalankan, sebanyak enam belas operasi telah dijalankan di seluruh daerah dalam empat bulan pada tahun lepas. Operasi yang bermula dari tarikh 27hb. Januari 1993 hingga 28hb. April 1993 menurut jadual adalah seperti berikut:¹

Bil.	Tarikh	Daerah	Pegawai
1.	27.1.1993	Temerloh	Semua
2.	28.1.1993	Jerantut	Semua
3.	17/18.2.1993	Kuala Lipis	Semua
4.	26.2.1993	Kuantan	4 orang
5.	27.2.1993	Pekan	4 orang
6.	27.2.1993	Rompin	4 orang

7.	2.3.1993	Temerloh	4 orang
8.	6.3.1993	Chenor/Maran	4 orang
9.	8.3.1993	Kuala lipis	4 orang
10.	8.3.1993	Raub	4 orang
11.	13.3.1993	Kuantan	4 orang
12.	13.3.1993	Temerloh	4 orang
13.	20.3.1993	Bentong	4 orang
14.	20.3.1993	Jerantut	4 orang
15.	16/18.4.1993	Bentong	Semua
16.	28.4.1993	Kuantan	Semua

Berikutan daripada operasi-operasi yang telah dijalankan di dalam tempoh tersebut beserta rondaan dan pemeriksaan semasa hasil aduan orang ramai, banyak tangkapan telah dilakukan. Sekitar tempoh operasi dalam tahun 1993, sebanyak 135 kesalahan jenayah syariah telah dibuat tangkapan dan didaftarkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 34 kes melibatkan kesalahan judi atau memasuki kasino. Kes judi pula hanya menghasilkan tangkapan yang sedikit bersama beberapa kes lain dari baki 34 kes.²

Semasa menjalankan operasi Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan telah mempelbagaikan kaedah operasi. Kaedah yang dipelbagaikan ini terbahagi kepada dua bahagian seperti berikut;³

a) Operasi oleh Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan. Operasi ini dijalankan samada di setiap daerah masing-masing atau menyeluruh kesemua daerah.

Operasi ini meliputi rancangan sendiri serta hasil aduan orang ramai.

Tindakan yang akan dilakukan bagi kesalahan di sesuatu daerah hanya membabitkan penguatkuasa setempat. Sebaliknya bagi operasi yang diaturkan secara menyeluruh ke setiap daerah, seluruh pegawai penguatkuasa setiap daerah dikumpulkan. Seterusnya hasil dari mesyuarat, arahan operasi akan dibuat dengan cara yang tersendiri.

b) Operasi bersama jabatan atau badan berkuasa lain.*

Badan atau jabatan yang terlibat biasanya adalah Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran, Polis dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Operasi ini akan dijalankan dengan memaklumkan kepada badan atau jabatan tersebut secara mengejut dan sulit. Kecuali jika menyertai operasi yang dianjurkan oleh badan atau jabatan tersebut. Sementara tujuan operasi bersama dijalankan secara sulit adalah bagi mengelakkan daripada rancangan tersebut terbongkar ke pengetahuan orang ramai.

Selain operasi dan rondaan bagi membanteras jenayah ini, siasatan juga telah dijalankan setelah aduan dibuat oleh masyarakat setempat. Sebagai contoh, Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan pernah menjalankan siasatan atas aduan tentang orang Islam di Pulau Tioman yang telah menjual arak, membeli arak dan

meminum arak di kedai, restoran dan rumah pelancongan.⁴

Hasil siasatan dan operasi beberapa tangkapan kesalahan arak dan judi telah dilakukan. Namun, perbandingan antara kesalahan arak dan judi, kesalahan arak sukar ditemui dan dibuktikan. Sementara tangkapan kesalahan judi atau memasuki kasino sungguh menggalakkan. Menurut Kadi Daerah Bentong, Ustaz Zainal Ariffin Dato' Darus, Pegawai Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Daerah Bentong telah berjaya menahan dengan purata tangkapan lima puluh orang sebulan sepanjang tahun 1993 di Kasino genting Highlands.⁵ Manakala pada tahun 1994 iaitu hingga pertengahan bulan Mei, 1994, sebanyak 123 tangkapan kesalahan memasuki Kasino di Genting Highlands telah dibuat dari tiga operasi. Berdasarkan kenyataan yang dibuat purata tangkapan kesalahan memasuki Kasino di Genting Highlands puratanya tidak kurang daripada tiga puluh orang bagi setiap satu operasi.⁶

3.1.2 Bantahan dan Nasihat Bertulis

Selain bertindak dengan kuasa yang diperuntukkan oleh enakmen, Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan tidak berdiam diri dengan pertumbuhan dan perkembangan pusat judi dan arak. Bahagian ini dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Pahang telah mengemukakan bantahan dan nasihat atas permohonan dan iklan untuk mendapatkan lesen perniagaan pusat hiburan yang terdapat di dalamnya jualan arak dan permainan judi.⁷ Bahagian ini sentiasa peka di dalam menangani masalah ini dalam mewakili dan menjaga kepentingan masyarakat Islam.⁸

3.1.3 Pembicaraan, Saman

Melalui tangkapan yang dilakukan oleh Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan, orang yang dituduh melakukan kesalahan arak dan judi akan diarahkan dibicarakan di Mahkamah Syariah. Cuma terdapat cara yang berbeza untuk membolehkan pembicaraan kes arak dan judi dijalankan.

Peruntukan untuk kes arak yang boleh ditangkap tanpa waran dikehendaki dibawa ke Mahkamah dalam tempoh dua puluh empat jam dari masa ditangkap. Tujuannya adalah samada untuk membolehkan tertuduh mengikat jamin untuk hadir pembicaraan atau terus ditahan sehingga pembicaraan selesai.⁹ Sementara kes judi pula tertuduh tidak boleh dibawa ke Mahkamah kerana tiada waran. Begitu juga untuk tujuan dakwaan hanya boleh dijalankan setelah menerima keizinan bertulis daripada Mufti.¹⁰

Untuk membolehkan pembicaraan Pendakwa Agama akan memastikan samada pembicaraan kesalahan memerlukan saman¹¹ atau waran tangkap¹² Apabila didapati saman atau waran tangkap diperlukan, permohonan akan dibuat kepada Kadi Daerah.

Setelah saman diserahkan kepada penerima saman dan penerima saman gagal hadir, waran tangkap pula akan dihantar oleh Mahkamah pengeluar saman untuk menghadirkan diri di dalam pembicaraan.¹³ Contohnya di dalam kes Abd. Hamid Daud.¹⁴ Beliau yang merupakan seorang pegawai

kastam telah ditangkap kerana melakukan kesalahan memasuki Kasino di Genting Highlands. Oleh kerana beliau gagal menghadirkan diri ke Mahkamah Syariah untuk pembicaraan, pihak mahkamah telah mengeluarkan waran tangkap terhadap beliau.

3.1.4 Hukuman

Hukuman akan dijatuhkan apabila sabit kesalahan yang dibicarakan. Samada sabitan kesan dari pengakuan salah¹⁵ atau mahkamah berpendapat yang dituduh bersalah di dalam ulangbicara.¹⁶

Perlaksanaan hukuman yang berpandukan kepada kehendak Enakmen Pentadbiran dan Adat Resam Melayu Pahang boleh dilihat di dalam kesalahan arak dan judi atau masuk Kasino.

a) Judi

Untuk menunjukkan bahawa hukuman terhadap kesalahan ini telah dilaksanakan menurut peruntukan, terdapat empat kes yang boleh dijadikan rujukan.

1. Kes: Pendakwa Syarie Pahang v V.V Aboo A/L Ahammu¹⁷

Dalam kes ini tertuduh seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Lanchang, Pahang telah disabitkan kesalahan memasuki Kasino di Genting Highlands pada 7hb. Julai, 1988. Sabitan kesalahan tersebut telah membawa hukuman terhadap tertuduh dengan dikenakan

denda RM 1,500.00 atau hukuman penjara selama sembilan bulan jika gagal membayar denda.

2. Kes: Pendakwa Syar'ie Pahang v Dato' Shamsiah Dato' Abd. Hamid¹⁸

Kes yang ini melibatkan seorang bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Daerah Pekan, Pahang yang disabitkan kesalahan memasuki Kasino di Genting Highlands pada bulan Mei, 1993. Tertuduh telah disabitkan kesalahan dan dijatuhi hukuman denda RM 1,000.00 atau enam bulan penjara oleh Mahkamah Rendah Syariah Bentong.

3. Kes: Pendakwa Syar'ie Pahang v Roshdi Jaafar¹⁹

Tertuduh, seorang Kapten yang bertugas di Kementerian Pertahanan di Kuala Lumpur telah disabitkan kesalahan memasuki Kasino di Genting Highlands pada 28hb. Mei, 1993. hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah adalah denda sebanyak RM 700.00 atau tiga bulan penjara.

4. Kes: Pendakwa Syar'ie Pahang v Mohamad Zuki Ibrahim²⁰

Tertuduh telah disabitkan kesalahan memasuki Kasino di Genting Highlands pada 28hb. Mei, 1993. Hukuman yang dikenakan ke atasnya adalah denda sebanyak

RM 600.00 atau tiga bulan penjara.

b) Arak

Berhubung dengan kesalahan arak, hukuman yang tinggi pernah dikenakan ke atas orang yang disabitkan dengan kesalahan tersebut. Hukuman denda yang tertinggi pernah dikenakan adalah denda sehingga RM 3,000.00. Malah kesalahan ini pernah dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun lamanya. Hukuman penjara ini berikutan kegagalan untuk membayar denda yang ditetapkan.²¹

Berdasarkan kepada hukuman-hukuman yang telah dijatuhkan ke atas pesalah-pesalah jenayah arak dan judi atau masuk Kasino menunjukkan bahawa Mahkamah telah menjatuhkan hukuman sepertimana yang dikehendaki oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

3.2 Permasalahan

3.2.1 Operasi, Siasatan, Tangkapan, Pendakwaan

Di samping operasi, siasatan, tangkapan dan pendakwaan terdapat beberapa sebab yang menimbulkan masalah untuk melancarkan proses ini. Antara punca-punca yang mengganggu kelancaran proses tersebut adalah:

a) Kekurangan pegawai di Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan.

Kekurangan tenaga di setiap daerah menyebabkan banyak

kes yang tidak dapat diambil tindakan segera dan terdapat kes-kes tertangguh. Pembanterasan terhadap kesalahan ini turut tidak dapat dijalankan terlalu kerap. Sebagai contoh, di peringkat daerah hanya terdapat seorang pegawai penguatkuasa ditempatkan dan tiada pegawai khusus bagi unit pendakwaan.²²

Kesan yang nyata ekoran daripada kekurangan tenaga ini adalah:

1. Operasi yang dijalankan di Kasino Genting Highlands hanya dapat dijalankan sebanyak dua kali sebulan.²³ Jumlah operasi ini ternyata tidak memadai jika dibandingkan dengan penglibatan orang-orang Islam di Kasino itu yang boleh dianggap besar jumlahnya. ini berdasarkan kepada jumlah tangkapan yang besar pada setiap kali operasi dijalankan.
2. Laporan mengenai perbuatan menjual, membeli dan minum arak di Pulau Tioman²⁴ ternyata tidak mampu dan tidak berjaya di kesan oleh pihak penguatkuasa dan penyiasat.

Kedua-dua masalah ini timbul kerana tiada tempat yang disediakan untuk menempatkan penguatkuasa Agama sebagaimana yang dilakukan untuk anggota polis. Lebih ketara, permasalahan ini timbul berikutan perlantikan hanya seorang pegawai penguatkuasa Agama bagi setiap daerah.

3. Ketiadaan pegawai-pegawai Unit pendakwaan yang khusus menyebabkan berlakunya kes-kes yang tertangguh.²⁵

4. Masalah pengangkutan.²⁶ Kekurangan pegawai dan tambahan lagi dengan kekurangan pengangkutan operasi yang hendak dijalankan. Di dalam Operasi yang besar pada kebiasaannya pengangkutan atau kenderaan yang mencukupi diperlukan untuk membawa pegawai-pegawai yang bertugas.

Keperluan ini jelas amat penting jika dilihat kepada lokasi yang jauh seperti Pulau Tioman. Petugas-petugas sudah pasti memerlukan pengangkutan laut untuk sampai dan untuk bergerak mengelilingi pulau tersebut. Oleh kerana masalah tersebut pegawai-pegawai sukar untuk ke sana dan kegiatan jenayah syariah yang dilaporkan gagal dibuktikan.

b) Jarak tempat yang jauh dari pejabat penguatkuasa agama.²⁷ Keluasan Negeri Pahang menyebabkan Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan perlu mengendalikan kes di dalam kawasan yang besar.

Di dalam Daerah Rompin, termasuk di dalam bidangkuasa penguatkuasa agama daerah untuk membanteras kesalahan yang dilakukan di Pulau Tioman. Perjalanan ke sana dengan menggunakan jalan laut sudah tentu menyulitkan pegawai untuk

pergi ke sana lebih kerap.

3.2.2 Bantahan dan nasihat bertulis

Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan serta Jabatan Agama sentiasa mengemukakan bantahan dan nasihat terhadap permohonan untuk mendapatkan lesen pusat hiburan yang mengandungi unsur arak dan judi.

Peranan yang dimainkan oleh mereka amat berguna, cuma masalah yang timbul dirasakan bahawa tindakan tersebut tidak perlu dilakukan setiap kali ada permohonan lesen. Segala pandangan telah mereka terangkan secara jelas untuk perniagaan sedemikian.

Lebih menimbulkan kesulitan untuk mereka terus mengemukakan bantahan dan nasihat berikutan permohonan lesen yang kerap diluluskan tanpa mengambilkira bantahan dan nasihat tersebut.²⁸

3.2.3 Bidangkuasa yang terhad.²⁹

Untuk menguatkuasa dan membanteras kesalahan arak dan judi, pihak pendakwaan dan penguatkuasaan hanya mempunyai kuasa yang tertentu dan terhad.

Bagi membuktikan kesalahan arak, penguatkuasa yang menyiasat aduan penjualan arak oleh orang Islam gagal membuktikannya. Ketiadaan kuasa untuk menggeledah menghalang mereka untuk bertindak menggeledah sedangkan bukti dipercayai oleh ditemui.

Bidangkuasa penangkapan kes judi turut turut memaparkan masalah kepada penguatkuasa. Mereka tidak boleh menangkap pesalah judi atau memasuki kasino untuk dibawa ke mahkamah kerana tidak memiliki waran tangkap. Manakala untuk menangkap pesalah judi ditempat-tempat hiburan lain tidak ada di dalam bidangkuasa mereka.

Kembali kepada kuasa tangkapan judi atau memasuki kasino, penguatkuasa hanya mampu mendapatkan keterangan biodata dan latarbelakang orang yang dituduh. Dalam situasi ini tidak mustahil keterangan yang diberi tidak lengkap atau penipuan dilakukan jika berpandukan kepada masalah kegagalan menghantar saman kehadiran ke mahkamah.

3.2.4 Tertuduh tidak menghadirkan diri ke mahkamah.³⁰

Kesan daripada bidangkuasa yang terhad, khasnya tangkapan judi atau memasuki kasino dengan waran, pihak mahkamah menghadapi masalah ketidakhadiran tertuduh.

Masalah ini timbul berikutan daripada waran tangkap yang dikirimkan tidak dapat disampaikan dan dikembalikan. Jabatan Agama Islam Pahang pernah menahan lapan puluh orang Islam termasuk anggota polis kerana berjudi di Kasino Genting Highlands. Namun bilangan yang hadir untuk pembicaraan hanya seramai tiga puluh orang. Punca yang dikenalpasti menyebabkan kegagalan menghadirkan diri kerana kegagalan pihak berkuasa mengesan alamat tempat tinggal mereka untuk penyampaian

saman.³¹

Kegagalan untuk menyampaikan saman juga disebabkan oleh beberapa faktor yang berikut:³²

1. Orang yang hendak disampaikan waran tiada di rumah
2. Alamat yang diberikan semasa ditahan tidak lengkap atau tidak wujud.
3. Telah berpindah alamat dan tidak dapat dikesan
4. Menggunakan alamat orang lain.

Kesulitan yang timbul adalah berikutan dari kesalahan kebanyakannya dilakukan oleh orang yang datang dari luar Negeri Pahang. Oleh itu mereka berupaya untuk melepaskan diri dari dikesan dengan memberikan biodata khasnya alamat tempat tinggal dan tempat kerja yang palsu.³³

Berikutan dari ketidakhadiran tertuduh dan kegagalan pihak berkuasa mengesan, orang yang pernah ditangkap didapati telah mengulangi perbuatan tersebut

Kebanyakan mereka yang mengulangi perbuatan itu kembali kerana mereka belum pernah dibicara dan dihukum. Perbuatan mereka dapat dikenalpasti setelah semakan fail-fail kesalahan yang pernah ditahan dibuat.³⁴

3.2.5 Hukuman

Hasil dari tangkapan dan hukuman yang dikenakan, kebiasaannya kesalahan judi atau memasuki kasino, pesalah

tidak lagi mengulangi perbuatan tersebut. Melainkan kesalahan arak yang sukar ditemui dan dikenalpasti.³⁵

Masalahnya berkaitan dengan kesalahan judi atau memasuki Kasino di Genting Highlands tetap terus mendapat sambutan dan kunjungan orang Islam. Orang Islam hanya didapati melakukan kesalahan dan ditahan jika pihak yang bertugas adalah penguatkuasa agama. Operasi yang dijalankan hanya dua kali sebulan, oleh itu tidak mustahil pada hari-hari yang lain ramai orang Islam yang masuk dan berjudi di Kasino Genting Highlands. Perbuatan mereka tidak akan dihalang oleh pihak pengurusan dan pengawal keselamatan kasino.³⁶

3.2.6 Perkembangan Tempat Penjualan Arak dan Pusat judi

Kedai-kedai menjual arak dan permohonan mendapatkan lesen menjual arak telah bertambah dari semasa ke semasa. Perkembangan ini menimbulkan masalah untuk mengatasi kesalahan minum arak. Tindakan tidak boleh dikenakan kerana kedai-kedai tersebut mempunyai lesen perniagaan dan mereka yang menjadi peniaga adalah orang-orang bukan Islam.³⁷

Lebih merumitkan lagi kerana terdapat tindakan pengusaha-pengusaha pusat hiburan yang melanjutkan waktu perniagaan mereka. Pusat-pusat hiburan sebegini merupakan tempat maksiat dan punca berlakunya perbuatan minum arak dan berjudi. Apabila dilanjutkan waktu perniagaan sudah tentukan menggalakkan lagi perbuatan minum arak dan berjudi serta maksiat-maksiat lain yang melibatkan orang Islam.³⁸

Masalah perkembangan judi juga amat serius kerana berkembangnya pusat-pusat hiburan yang menganjurkan perjudian dan berkembang pengaruh untuk berjudi. Hasil laporan Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Pahang perkembangan tempat perjudian dan pengaruh perjudian adalah seperti berikut:

a) Sports Toto/Magnum

Hasil kajian yang dibuat atas penglibatan orang Islam dalam perjudian Sports Toto/Magnum pada bulan Mac, 1990 hingga pertengahan tahun 1991³⁹ telah menghasilkan hipotesis bahawa:

1. Orang Islam merupakan pelanggan utama pusat perjudian Sports Toto dan Magnum.

2. Peratusan orang Islam lebih tinggi berbanding orang bukan Islam dalam perjudian ini.⁴⁰ Secara perbandingannya jumlah penglibatan orang Islam adalah seramai 51,168 orang, bangsa Cina seramai 33,408 orang dan bangsa India seramai 8,640 orang dalam masa sebulan. Perbelanjaan yang telah dikeluarkan oleh orang Islam menurut anggaran purata harga RM 5.00 adalah sebanyak RM 255,840.00 sebulan.⁴¹

Kadar ini berkemungkinan ekoran dari pertumbuhan sebanyak empat puluh enam buah pusat perjudian Sports Toto, Magnum dan lain-lain di seluruh Negeri Pahang.⁴²

b) Pusat Snooker

Penyelidikan yang dibuat ke atas beberapa buah pusat snooker di beberapa buah daerah seperti Kuantan, Pekan, Rompin, Temerloh, Mentakab dan Jerantut menunjukkan terdapat sembilan puluh enam buah pusat snooker yang beroperasi.⁴³

Hasil kajian menunjukkan bahawa daerah-daerah tersebut yang bermajoritikan orang Islam mempunyai pusat snooker yang dijadikan tempat perjudian. Lebih ketara apabila jumlah yang dikesan terlibat dengan perjudian yang berbentuk pertaruhan di sini adalah orang Islam.⁴⁴

Malahan di dalam pusat tersebut didapati bahawa terdapat permainan video game dan mesin slot yang dijadikan permainan dengan pertaruhan. Mesin slot khasnya telah menjadi tumpuan dan kegilaan orang-orang Islam di daerah tersebut.⁴⁵

c) Perjudian di Rancangan Felda

Hasil perbincangan Jabatan Agama Islam Pahang dengan pihak pengurusan rancangan FELDA Negeri Pahang kecuali Pekan dan Kuantan, rumusan telah dibuat bagi menghadapi masalah judi yang serius.⁴⁶ Beberapa jenis perjudian telah dikenalpasti di rancangan tersebut seperti:⁴⁷

1. Judi daun terup

2. Permainan belangkas
 3. Laga ayam
 4. Permainan dam/catur
 5. Karom
 6. Permainan mahjung
 7. Judi nombor ekor (Magnum)
 8. Permainan snooker
 9. Sports Toto dan
 10. Permainan sedut duit
- d) Perkembangan pengaruh judi⁴⁸

Kegiatan ini telah membabitkan penglibatan pelbagai peringkat umur di kalangan orang Islam dan termasuk juga suri-suri rumah. Perkembangan ini membabitkan penjualan nombor ekor berlesen atau tidak berlesen di premis, pasar dan lebih serius penjualan ke rumah-rumah.

Demikian juga permainan sedut duit dengan menggunakan bomoh merupakan permainan judi yang sedang merebak dan giat dijalankan.

Contoh-contoh pengaruh judi tersebut merupakan permasalahan yang menyulitkan tugas membanteras kesalahan jenayah syari'ah dan menjadi cabaran kepada Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan. Tambahan pula penguatkuasa syar'ie tidak berupaya menangani kesalahan yang terletak di dalam bidangkuasa pihak polis.⁴⁹

N O T A R U J U K A N

- (1) Taklimat Fungsi dan Prestasi Jabatan Agama Islam, Hal.31
- (2) Ibid, Hal.32.
- (3) Temuramah dengan Ustaz Raffli Abd. Malek, Pegawai Pendakwa II (Kuantan), 26.5.1994.
- (4) Rujuk Lampiran (B)
- (5) Berita Harian, Judi: 50 Orang Ditahan, Rabu 19hb. Januari, 1994, Hal.16.
- (6) Temuramah dengan Ustaz Raffli Abd. Malek, op.cit.
- (7) Rujuk Lampiran (A) dan Lampiran (C)
- (8) Temuramah dengan Ustaz Raffli Abd. Malik, op.cit.
- (9) Enakmen pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987, Seksyen.52(1)(2), Hal.146.
- (10) Ibid, Seksyen.188, Hal.146.
- (11) Ibid, Seksyen.192(a), Hal. 146.
- (12) Ibid, Seksyen.192(b), Hal.146.
- (13) Ibid, Seksyen.196, Hal.150.
- (14) Utusan Malaysia, Masuki Kasino: bekas Ahli Dewan Didenda RM 1000, Selasa, 7hb. September, 1993, Hal.23.
- (15) op.cit, Seksyen.202(4), Hal.152.
- (16) Ibid, seksyen 202(16)(b), Hal.154.
- (17) Bahagian Hal Ehwal Islam (JPM), Jurnal Hukum, Jld.vii, Bahagian II, Hal.235.
- (18) Utusan Malaysia, op.cit.
- (19) Ibid.
- (20) Ibid.
- (21) Temuramah dengan Ustaz Raffli Abd. Malek, op.cit.
- (22) Taklimat Fungsi dan Prestasi Jabatan Agama Islam, Hal.30,31.
- (23) Temuramah dengan Ustaz Raffli Abd. Malek, op.cit.

- (24) Rujuk Lampiran (B)
- (25) Taklimat Fungsi dan Prestasi Jabatan Agama Islam, 1993, Hal.31.
- (26) Temuramah dengan Ustaz Raffli Abd. Malek, *op.cit.*
- (27) Ibid.
- (28) Ibid.
- (29) Ibid.
- (30) Utusan Malaysia, *op.cit.*
- (31) Ibid.
- (32) Temuramah dengan Ustaz Raffli Abd. Malek, *op.cit.*
- (33) Ibid.
- (34) Ibid.
- (35) Ibid.
- (36) *ibid.*
- (37) Ibid.
- (38) Rujuk Lampiran (C).
- (39) Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Pahang, Laporan Penglibatan Orang Islam Dalam Perjudian Sports Toto/Magnum, 1991, Hal.1.
- (40) Ibid, hal.3.
- (41) Ibid, Hal.21; Rujuk Lampiran (D).
- (42) Rujuk Lampiran (E).
- (43) Rujuk Lampiran (F).
- (44) Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Pahang, Laporan Kajian Ke atas Pusat Snooker di Negeri Pahang, 1993, Hal.2.
- (45) Ibid, Hal.3.
- (46) Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Pahang, Masalah Perjudian Dalam Negeri Pahang, 1993, Hal.1.
- (47) Ibid, Hal.3.
- (48) Ibid, Hal.3,4.

(49) Temuramah dengan Ustaz Raffli Abd. Malek, *op.cit.*

BAB KEEMPAT

Komen, Cadangan dan Penutup

4.1 Komen

Peruntukan pelaksanaan dan permasalahan di dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 pindaan 1987 menunjukkan beberapa perkara yang perlu diketengahkan:

1. Sering menjadi pertanyaan dan persoalan di kalangan masyarakat Islam tentang hukuman yang dikenakan terhadap pesalah jenayah syar'ie yang dianggap terlalu ringan dan tidak setimpal dengan kesalahan. Ini menyebabkan pesalah-pesalah tersebut mampu membayar denda dan tidak takut untuk mengulangi perbuatan tersebut.

Terdapat juga pendapat-pendapat yang mengatakan bahawa denda dengan wang ringgit tidak akan berkesan kecuali jika dilaksanakan hukum menurut hukum syara'.

Walaupun jika menurut peruntukan hukuman yang dibenarkan oleh perlembagaan ternyata ada sedikit pembaharuan yang membolehkan hukuman yang dikenakan terhadap pesalah arak dan judi (masuk kasino) dengan hukuman yang lebih berat. Ini diharapkan akan menimbulkan kesedaran dan rasa takut orang-orang Islam daripada melakukan kesalahan tersebut.

Oleh itu diharapkan agar Mahkamah Syari'ah akan menggunakan sepenuhnya peruntukan hukuman yang diberikan oleh perlembagaan. Semoga dengan itu akan memberikan manfaat kepada setiap mahkamah, kerana memanfaatkan hukuman akan dapat menguji sepenuhnya keberkesanan hukuman yang telah diperuntukkan.

2. Berkenaan dengan Enakmen Keterangan terdapat peruntukkan yang membenarkan rujukan kepada hukum syara' apabila tidak didapati peruntukan di dalam Enakmen Keterangan ini. Ini berdasarkan kepada peruntukan seksyen 100 (2) (Rujuk Lampiran (G)), yang menyatakan kebenaran tersebut.

Peruntukan ini menunjukkan kesungguhan di dalam mengamalkan hukum syara'. Bersesuaian pula dengan matlamat kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam di negara ini. Juga sejajar di dalam menggambarkan imej Mahkamah Syariah yang ingin mengamalkan undang-undang Islam di negara yang menjadikan Agama Islam sebagai agama rasminya.

3. Mengenai undang-undang syari'ah di Negeri Pahang, ia masih menghadapi masalah untuk dijalankan. Khususnya berkaitan dengan jenayah syari'ah, di mana masih terdapat rang undang-undang yang masih belum diluluskan hingga sekarang iaitu seperti Rang Undang-undang Acara Jenayah Syari'ah 1990.

Kegagalan mendapatkan kelulusan Rang Undang-undang ini merupakan satu halangan, sedangkan ia memberikan ruang dan peluang untuk meluaskan penggunaan hukum syara' di dalam kehakiman syar'ie. Sebagai contoh di dalam kesalahan minum minuman yang memabukkan akan didahului dengan hukuman had daripada denda sepertimana yang diamalkan sekarang.

Contoh tersebut menunjukkan betapa perlunya Rang Undang-undang yang belum diluluskan untuk membantu peningkatan di dalam Mahkamah Syari'ah.

4. Mengenai peruntukan sabit kesalahan arak menunjukkan bahawa enakmen ini boleh dikatakan menepati kehendak syara'. Di mana penjual, pembeli dan peminum dianggap melakukan kesalahan. Cuma kesalahan judi hanya dihadkan kepada kesalahan memasuki Kasino di Genting highlands. Sedangkan takrif judi luas dan terdapat di pusat-pusat hiburan yang sentiasa berkembang.

Peruntukan yang hanya membenarkan tangkapan terhadap kesalahan di Kasino Genting Highlands tidak mampu menyekat penglibatan orang Islam dalam permainan judi. Mereka masih bebas membeli nombor ekor, toto dan bertaruh di pusat-pusat hiburan.

5. Di dalam tugas tangkapan ternyata banyak kekurangan yang dihadapi oleh penguatkuasa syar'ie.

Kekurangan timbul dari segi jumlah kakitangan, kenderaan, kelengkapan dan lebih utama adalah kekurangan bidangkuasa.

Oleh yang demikian jika hendak menjalankan operasi, mereka tidak dapat bertindak ke atas kesalahan judi secara keseluruhannya. Dengan kata lain operasi yang mereka jalankan tidak memuaskan jika dijalankan bersendirian, kerana ramai orang Islam yang berjudi sedangkan mereka tidak mempunyai bidangkuasa untuk membuat tangkapan.

Di dalam keadaan lain ternyata penguatkuasa memerlukan waran geledah. Tanpa waran geledah ternyata mereka tidak berjaya membongkar kegiatan jenayah syar'ie seperti kejadian penjualan arak oleh orang Islam di Pulau Tioman.

Jumlah pegawai penguatkuasa sentiasa menjadi masalah dan ditambah lagi dengan kesukaran mendapatkan pengangkutan. Menurut Pendakwa Syar'ie II Daerah Kuantan, Ustaz Raffli Abd. Malek, bukan sahaja kekurangan pegawai malah tidak terdapat khidmat sukarela orang awam untuk membantu. Sedangkan bahagian ini sentiasa membuat permohonan untuk menambah jumlah kakitangan.

Mengenai pengangkutan atau kenderaan yang tidak mencukupi atau tiada menyebabkan operasi dan tugas yang hendak dijalankan tidak dapat berjalan dengan

lancar. Lebih-lebih lagi jika lokasi yang menjadi tumpuan operasi terletak jauh dari pusat bahagian penguatkuasaan.

6. Tindakan Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan serta Jabatan Agama yang sentiasa memberi nasihat dan bantahan secara bertulis terhadap pemberian lesen untuk kegiatan arak dan judi ternyata tidak berhasil. Malah pertumbuhan pusat-pusat tersebut amat ketara dari semasa ke semasa.

Masalah yang timbul di sini ialah seolah-olah nasihat yang diminta dan bantahan yang dibuat hanya syarat semata-mata untuk mengaburi pandangan masyarakat Islam khususnya. Sebaliknya permohonan mendapatkan lesen tetap diluluskan oleh pihak yang bertanggungjawab mengeluarkan lesen tersebut.

Oleh yang demikian bolehlah dikatakan di sini bahawa terdapat satu halangan yang besar di dalam usaha melaksanakan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang.

4.2 Cadangan

Masalah dan kekurangan di dalam melaksanakan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang perlu dipandang serius dan hendaklah diambil tindakan untuk menangani dan mengatasi halangan tersebut dengan kadar

segera.

Sebagai usaha untuk bertindak, beberapa langkah dan kaedah yang berkesan perlu diusahakan. Beberapa cadangan yang dirasakan perlu untuk membantu mengatasi permasalahan ini adalah seperti berikut:

1. Tugas pertama untuk menjamin kelancaran proses penguatkuasaan adalah dengan menambah dan melengkapkan kakitangan dan peruntukan pengangkutan serta peralatan berdasarkan keperluan semasa. Masalah ini bukan sahaja perlu dipandang serius oleh kerajaan malah perlu dilakukan tindakan seberapa segera.

Jika proses meluluskan penambahan tersebut ditangguhkan akan hanya menyulitkan keadaan dan menambahkan keruntuhan moral serta menjejaskan akidah di kalangan orang Islam.

2. Peruntukan Enakmen Jenayah Syari'ah hendaklah diperluaskan lagi konsepnya dan diubah dari semasa ke semasa menurut masalah semasa. Kepekaan seperti ini akan membolehkan hukuman diperketatkan.

Tambahan pula Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang memberikan kuasa kepada Sultan sebagai Ketua Agama Negeri untuk mengadakan undang-undang yang patut untuk mengatur hal ehwal Agama. Oleh itu penguatkuasa syar'ie dan sultan perlu bekerjasama untuk mengadakan undang-

undang yang lebih berkesan. Contohnya undang-undang kesalahan judi hendaklah diusahakan agar diletakkan di dalam bidangkuasa Mahkamah Syari'ah. Konsep judi hendaklah diperluaskan kerana kesalahan ini banyak dilakukan oleh orang-orang Islam. Oleh itu orang Islam perlu diselamatkan dari terus bergelumang di dalam kemaksiatan.

3. Mengenai peruntukan hukuman, Mahkamah Syari'ah hendaklah menggunakan sepenuhnya peruntukan yang diberikan. Secara praktikalnya sesuatu hukuman itu akan dapat dikesan keberkesanan dan kelemahannya sesudah dilaksanakan. Apabila peruntukan hukuman yang ada masih belum berkesan dan mendapat kritikan masyarakat sudah pasti akan ada usaha dan alternatif untuk mengadakan hukuman yang lebih efektif.

4. Untuk tujuan operasi, dengan bidangkuasa yang ada sekarang adalah lebih elok jika dilakukan operasi bersama. Umpamanya kerjasama dengan pihak Polis dan Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran. Oleh kerana mereka mempunyai bidangkuasa yang lebih sudah pasti operasi yang dijalankan akan lebih memuaskan.

Oleh itu seharusnya operasi bersama ini dijalankan dengan lebih kerap lagi, kerana di samping keberkesanannya cara ini juga diharapkan akan dapat mengatasi masalah kekurangan kakitangan petugas.

5. Mengenai nasihat dan bantahan permohonan lesen yang mengandungi unsur perniagaan arak dan judi hendaklah sentiasa diambil berat oleh semua pihak termasuk kerajaan negeri.

Untuk mengemukakan nasihat setiap kali permohonan dibuat sudah pasti menimbulkan kesulitan kepada Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan dan Jabatan Agama. Sedangkan nasihat dan bantahan bertulis sudah jelas menerangkan hukum arak dan judi secara keseluruhannya.

Untuk tindakan yang sebaik-baiknya adalah lebih elok dimulakan langkah pengurangan serta penghadan kelulusan pemberian lesen arak dan judi.

6. Bagi membolehkan Bahagian Pendakwaan dan Penguatkuasaan bertindak hendaklah diberikan kuasa yang lebih kepada mereka. Kad kuasa, waran geledah dan kuasa menangkap hendaklah diberikan agar tidak berlaku proses yang menyukarkan tangkapan dan penahanan seperti di dalam kes arak dan judi.

7. Pegawai penguatkuasa hendaklah ditempatkan di dalam pejabat di tempat yang dikategorikan sebagai kawasan bermasalah di dalam kes arak dan judi. Diharapkan dengan penempatan pegawai tersebut akan dapat mengawasi dan mengawal kegiatan di situ.

8. Selain diletakkan pegawai untuk mengawasi kegiatan setempat, cara lain yang diharapkan dapat membantu adalah dengan memasang kamera perakam khasnya seperti di Kasino Genting Highlands.

Jika pihak polis ada peruntukan untuk memasang kamera kamera bagi mengawasi lalulintas, sudah pasti bagi kesalahan jenayah syariah boleh juga dilakukan sedemikian.

9. Peruntukan hukuman denda sepatutnya dibuat terhadap pengusaha-pengusaha premis arak dan judi yang membenarkan premis mereka dijadikan oleh orang Islam sebagai tempat untuk minum arak dan berjudi. Jika tindakan ini tidak dikenakan pengusaha tersebut akan selama-lamanya tidak merasa gerun kerana setakat ini orang bukan Islam tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan oleh Mahkamah Syari'ah.

10. Sebagai langkah untuk tindakan lebih berkesan sebaik-baiknya segala pusat hiburan yang menganjurkan jualan arak dan permainan judi diharamkan terus. Ketegasan dengan mengharamkan terus kegiatan perniagaan arak dan judi khasnya untuk orang-orang Islam diharapkan akan dapat mengatasi masalah arak dan judi dalam masyarakat serta membentuk masyarakat yang sihat dan sejahtera.

11. Juga sebagai jalan penyelesaian yang lebih berani, hukuman yang dijalankan hendaklah segera diubah dan

dijalankan hukum syara'.

Apabila semua pihak berusaha keras untuk membentuk hukuman sedemikian sudah pasti akan menghasilkan kejayaan dan menimbulkan kefahaman kepada masyarakat. Lantaran masyarakat akan hanya memahami sesuatu perkara apabila telah mengamal dan menghadapinya.

12. Urutan dari cadangan-cadangan yang telah diutarakan, penulis suka memaparkan dua petikan akhbar mengenai pandangan serius oleh kerajaan tentang masalah judi. Dua petikan tersebut adalah seperti berikut:

a) Di dalam akhbar Berita Harian, di bawah tajuk "KERAJAAN ARAH SERU KAJI JUDI" (Selasa, 16hb. Julai, 1991/4 Muharram, 1412, Hal.4). (Rujuk Lampiran (H))

Kandungannya adalah mengenai kenyataan Timbalan Menteri Kewangan, Haji Abdul Ghani Othman berkata kerajaan telah mengerahkan Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi (SERU) Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji amalan perjudian di kalangan masyarakat agar dapat dijadikan panduan membanteras kegiatan itu secara tersusun.

Di dalam kenyataan tersebut kerajaan telah tidak menggalakkan kegiatan perjudian dengan tidak meluluskan lesen baru serta tindakan beberapa kerajaan negeri yang telah dan akan mengharamkan perjudian.

b) Di dalam petikan akhbar Berita Harian yang bertajuk "JAIP DIMINTA AWASI MUSLIM KAKI EKOR" (Sabtu, 25hb. Disember, 1993, Hal.16). (Rujuk Lampiran (H))

Akhbar ini memetik kenyataan Timbalan Menteri Besar Pahang, Dato' Abdul Jabar Ibrahim yang mengerah Jabatan Agama Islam Pahang mengemukakan cadangan kepada Kerajaan Negeri mengenai langkah untuk mengawal pembabitan orang Islam di dalam perjudian nombor ekor.

Di samping melahirkan kebimbangan dengan peratusan orang Islam yang berjudi, beliau telah menyarankan agar Enakmen Hal-Ehwal Agama Islam (Pentadbiran) negeri dipinda untuk menghalang orang Islam dari bergiat di dalam perjudian. Juga agar kesalahan tersebut boleh dibicarakan di Mahkamah Syari'ah melalui penguatkuasaan larangan memasuki kasino yang meliputi perbuatan memasuki kedai-kedai nombor ekor.

Dari kedua-dua kenyataan dan cadangan tersebut menunjukkan sensitiviti kerajaan pusat dan kerajaan negeri untuk mencegah perjudian di negara ini. Oleh itu adalah diharapkan janji-janji tersebut dilaksanakan demi kepentingan bersama.

Tambahan pula seperti kenyataan bekas Timbalan Menteri Kewangan, Haji Abadul Ghani Othman, pemberhentian pemberian lesen judi di Kelantan tidak

menjejaskan hasil negara kerana jumlah yang dikutip dari hasil judi pada tahun 1990 hanya sebanyak RM 5 juta.

Semoga usaha mereka untuk menghalang kegiatan perjudian seperti yang diura-urakan akan diberkati oleh Allah Taala.

4.3 Penutup

Sebagai kesimpulannya perjalanan peruntukan kesalahan arak dan judi adalah menggalakkan dari semasa ke semasa. Buktinya dengan bertambahnya hukuman untuk kesalahan ini.

Segala penguatkuasaan dan perlaksanaan undang-undang ini sudah pasti menghadapi masalah yang perlu diatasi. Sebagai langkah mengikut peraturan Perlembagaan adalah elok digunakan segala peruntukan dengan sepenuhnya di samping menampung segala kekurangan dan kelemahan.

Sebagai cara penyelesaian yang lebih berani dan diharapkan akan diterima, perkara yang menjadi punca jenayah hendaklah diharamkan. Hukuman pula hendaklah menurut hukum syara' kerana tindakan tersebut sahaja yang diyakini dapat mengatasi masalah ini.

Oleh itu semua pihak mestilah bertanggungjawab. Mereka hendaklah menyatakan kebenaran sungguhpun ianya amat pahit untuk diterima. Semoga keberkatan akan mengiringi tindakan yang menurut kehendak Allah Taala dan tidak akan memeningkan kepala untuk meminda undang-undang dari semasa ke semasa.

B I B L I O G R A F I

SENARAI BUKU

Al-Qurtubi, Abi Abdillah Mohd bin Ahmad Al-Ansari, Al-Jami'u li-Ahkam al-Quran, Jilid.1, Juz.2, Beirut, 1952/1372.

Hamka (Prof.Dr), Tafsir Al-Azhar, Juz.1,2,3 dan 7,8,9, Panji Masyarakat, 1982.

Mahfodz Mohamad (Dr), Jinayah Dalam Islam, Satu Kajian Mengenai Hukum-hukum Hudud, Nurin Enterprise, 1987.

Mat Saad Abd Rahman (Dr), Undang-undang Jenayah Islam (Jenayah Hudud), HIZBI, Shah Alam, 1993.

Muhammad 'Ali As-Sabuni, Rawai' al-Bayan Aayaat al-Ahkam Min Al-Quran, Juz.1, Damsyik-Syria, 1977/1397.

Maulana Abdullah Yusuf 'Ali diterjemahkan oleh Abu Salah Muhammad 'Uthman El-Muhammady, Al-Quran al-Karim, Terjemahan dan Huraian Maksud, Jilid.1, Juz.1-6, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1991.

Paizah Haji Ismail, Undang-undang Jenayah Islam, Dewan Pustaka Islam, 1991.

Syeikh Muhammad Abduh disusun oleh Syed Mohd Rasyid Redha, Tafsir al-Manar, Juz.1, Mesir, 1972.

KERTAS KERJA/LAPORAN

Ahmad Ibrahim (Prof, Tan Sri), Perlaksanaan Undang-undang Hudud di Malaysia (Bengkel Hudud II), Kuala Lumpur, 1994.

Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, Jurnal Hukum, Jilid.vii, Bahagian II, Muharram 1412/Julai 1991..

Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Pahang, Laporan Penyelidikan Penglibatan Orang Islam Dalam Perjudian Sports Toto/Magnum, 1991.

Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Pahang, Laporan Penyelidikan Ke atas Pusat Snooker di Negeri Pahang, 1993.

Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Pahang, Masalah Perjudian Dalam Negeri Pahang Darul Makmur, 1993..

Haji Muttalib bin Hj Mohd Ali al-Fakwie (Dato'), Pengenalan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987, Bertempat di Rumah Persinggahan VVIP Peramu, 6hb.-8hb. November,1990/18 Rabiul Akhir, 1411H.

Taklimat Fungsi dan Prestasi Jabatan Agama Islam, 1993.

KAMUS

Al-Bustani, Fuad al-Ifrad, Munjid al-Tullab, Beirut, Dar el-Masyrik, 1956.

Kamus Dewan (Edisi Baru), Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1993.

STATUT

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah No.1, 1990.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang 1982 Pindaan 1987.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang, Bahagian Pertama, 8hb. Jun, 1983.

AKHBAR

Berita Harian, Kerajaan Arah SERU Kaji Judi, Selasa 16hb. Julai, 1991/4 Muharram, 1412.

Berita Harian, JAIP Diminta Awasi Muslim Kaki Ekor, Sabtu, 25hb. Disember, 1993.

Berita Harian, Judi: 50 Orang Ditahan, Rabu, 19hb. Januari, 1994.

Utusan Malaysia, Masuki Kasino: Bekas Ahli Dewan Didenda RM 1,000, Selasa, 7hb. September, 1993.

Utusan Malaysia, Jabatan Agama Islam Hadapi Masalah, Selasa, 7hb. september, 1993.

TEMURAMAH

Ustaz Raffli Abd. Malek, Pegawai Pendakwa II Daerah Kuantan, Pahang. 26hb. Mei 1994.

JABATAN AGAMA PAHANG
26600 PEKAN.

TELEFON: 421506
: 421199

BIL(3)DLM.J.U.PHG: 3/0940

Tarikh: 15 hb. March, 1987
15 hb. Rejab, 1407

Assalamualaikum w.m.wbr.

Yang Berbahagia,
Tuan Pegawai Daerah Kuantan,
KUANTAN.

Tuan,

Per : Bantahan Ke atas Permohonan Lesen
Menjual Arak.


Adalah dengan hormatnya dimaklumkan berhubung dengan perkara yang tercatat di atas, sesuai dengan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan yang sedang berjalan. Orang ramai juga telah diberi peluang mengemukakan sebarang bantahan mengenai perkara ini kepada pihak-pihak yang berkenaan. Oleh itu Jabatan Agama Islam Pahang mengambil kesempatan ini mengemukakan bantahan rasmi, terhadap semua lesen menjual minuman keras supaya tidak di luluskan.

2. Untuk makluman tuan, Islam telah menetapkan minuman keras adalah dosa besar, ibu maksiat dan kejahatan, sesiapa yang bersubahat dalam perkara ini dikira berdosa, lebih-lebih lagi bersubahat untuk meluluskan lesen tersebut. Walau apa pun alasan yang diberikan, ianya termasuk dalam kerjasama memberikan kelulusan perkara tersebut.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(HAJI SULAIMAN BIN HAJI AHMAD, AMP)
b.p. Ketua,
Jabatan Agama
Pahang.

s.k:

Semua Pegawai Daerah
Negeri Pahang Darul Makmur.

HSMA/na.110387.

JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG,
D/A PEJABAT AGAMA ISLAM DAHRAH,
25700 Kuantan.

BIL. (5) DLM. J. U. PHG. 2/0740

No. 504744

Ruj. Kami: Bil. (07) dlm. PPHS. PHG. : 011/5

Tarikh : / Rabiul Awal 1411
20 September 1990

Assalamualaikum wrt. wbt.,

YB. Tuan Haji Hassan bin Arifin
Pengerusi Jawatankuasa
Perindustrian Pelancungan dan Perbankaran,
Misma Sri Pahang,
Kuantan.

Teng Berhormat,

Per: Jualan Arak Oleh Pengusaha Restoran dan
Pengusaha Rumah Pelancungan Islam kepada
Pelancung-Pelancung di Pulau Tioman


Adalah dengan hormatnya dimaklumkan berhubung dengan perkara diatas, Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Pahang telah menjalankan siasatan, kerana dari beberapa aduan yang dibuat oleh penduduk Pulau Tioman.

2. Berhubung dengan aduan yang dibuat oleh penduduk Pulau Tioman berkenaan dengan penjualan minuman keras (Beer) oleh orang-orang Islam adalah menjadi satu masalah sebagaimana yang diperuntukan dalam Khelmin Perundangan Agama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang No. 8/82 Tindakan 1987 iaitu dibawah Seksyen 136 yang berbunyi:

"Sesiapa jua orang Islam dalam mana-mana kedai atau tempat awam, menjual, membeli atau menerima arak adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila sabit bolehlah dihukum dengan \$5,000.00 atau 3 tahun penjara dan 6 kali sebatan"

3. Sonaja siasatan yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Pahang diatas aduan yang dibuat oleh penduduk Pulau Tioman, Pegawai-Pegawai Penguatkuasa tiada mendapati ada dikalangan pengusaha-pengusaha restoran Islam sedang menjual minuman-minuman keras (beer) atau pun pelancung-pelancung Islam membeli atau sedang minumannya.

4. Walau bagaimanapun tidaklah boleh dinafikan diatas aduan yang dikemukakan oleh penduduk-penduduk Pulau Tioman berkenaan dengan penjualan arak tersebut, oleh kerana sepanjang siasatan banyak didapati bekas-bekas minuman keras terdapat dihadapan pose-tengah kedai (restoran) di Pulau tersebut.



Dibaca
A.P. 18/10/90

5. Oleh kerana buat masa ini Bahagian Penguatkuasa Agama belum diberi kuasa mengesekah terhadap restoran yang diyakini ada menjual minuman keras yang disembunyikan, maka barang-barang itu tidak dapat dikesan.

6. Adalah diharapkan dengan usaha dan jasa baik Yang Berhormat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pelancungan dan Wakil Rakyat Pulau Tioman dapat kiranya menasihatkan dan memberi ingatan kepada penduduk Pulau Tioman khususnya dan dimana-mana jua didalam Negeri Pahang yang menjalankan perniagaan ditempat pelancungan, tidak melibatkan diri dengan penjualan arak.

7. Pihak Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Pahang akan bertindak dari masa keonang, terutamanya jika mendapat aduan dari orang ramai.

8. Kerjasama Yang Berhormat sangat-sangat diharapkan bagi mengatasi masalah aduan penduduk-penduduk Pulau Tioman khususnya sebagaimana yang telah diadukan dari dimana-mana didalam Negeri Pahang.

Selain dipaklankan, terima kasih.

" HURAIAN UNTUK AGAMA DAN NEGARA "


Saya yang menurut perintah,



(HAJI IDRIS BIN HAJI ABDULLAH, MPT.)
MURAH KEMOLONG PENGARAH,
BAHAGIAN PENGUATKUASA DAN HENDAKTAMAN,
JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG.

C.c. :

Sotiasaha,
YAB. Menteri Besar Pahang,
Wisma Sri Pahang,
Kuantan.




Pengarah,
Jabatan Agama Islam Pahang,
26600 Pekan.

Al-Fadhil,
Qadhi Daerah Rompin,
26800 Rompin.

Tuan Haji Jumaat bin Ahmad,
No. 17, RRM Kg. Telok,
Pulau Tioman,
26800 Rompin.

کراچان نگرى فہمغ



جسباتن حال احوال اکام اسلام
نگری فہمغ دار المعصوم

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR.
2000 PEKAN.

TELEFON:

Pengarah : 09-422010
Kakitangan : 09-421506
09-421199

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : Bil. (8)dlm. J.U. PHG. : 3/0940

Tarikh : 24 October 1991
13 Rabiul Akhir 1412

Pemolong Setiausaha Kerajaan,
Unit Kerajaan Tempatan,
Wisma Sri Pahang,
Kuantan.

(u.p. : En. Anwar bin Abdul Rahman)

Tuan,

Cadangan Melanjutkan Tempoh Waktu Pembiayaan
Pusat-Pusat Hiburan di Negeri Pahang Darul Makmur.

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan surat tuan Bil. (17)dlm. SUK. PHG. (KT) 5218 PT:4 bertarikh 11 September 1991 adalah di-
rujuk.

2. Sehubungan dengan itu sukacita jabatan ini memberi pandangan dan ulasan tentang perkara tersebut berdasarkan kepada faktor-faktor yang dinyatakan dibawah ini:-

- 2.1. Pusat-pusat Hiburan adalah merupakan salah satu tempat permulaan berlakunya kegiatan-kegiatan maksiat seperti judi, minuman arak dan juga masalah keruntuhan moral dikalangan umat Islam masa kini.
- 2.2. Pergaulan yang bebas di antara lelaki dan perempuan yang tidak mengira kaum dan agama boleh menyebabkan peningkatan kegiatan-kegiatan maksiat seperti perkinaan, pelacuran dan juga fitnah lebih-lebih lagi di waktu larut malam. Akibat dari pergaulan yang terlampau bebas diantara mereka maka lahir-lah anak-anak yang tidak berbeza disamping itu boleh juga mendorong penyakit aids merebak dengan mudahnya, iaitu salah satu penyakit yang paling ditakuti serta merbahaya dan menjadi masalah negara masa kini.
- 2.3. Krisis rumah tangga dan juga sifat yang tidak bertanggungjawab terhadap isteri dan anak, boleh berlaku perceraian diantara suami isteri.


- 2.4. Arak adalah sejenis minuman yang boleh dikatakan terdapat di tiap-tiap pusat hiburan dan untuk mencari kesenangan, mereka-mereka yang datang akan menjadikan minuman ini sebagai minuman asasi. Disegi Islam arak adalah satu minuman yang diharamkan kerana akibatnya boleh menyebabkan berlakunya kejadian jenayah misalnya pembunuhan dan sebagainya.
- 2.5. Didapati juga pegawai-pegawai kerajaan mencoburnikan diri di pusat-pusat hiburan dengan tujuan untuk mencari ketenangan jiwa. Ini boleh menjejaskan prestasi perkhidmatan pegawai-pegawai berkenaan, sedangkan mereka ini memerlukan rehat yang cukup untuk bertugas pada esoknya. Kemungkinan boleh terjadi perbuatan pecah amanah terhadap rahsia-rahsia kerajaan.

3. Berdasarkan kepada faktor-faktor diatas, Jabatan Agama Islam Pahang sesuai dengan objektif penubuhannya untuk menegakkan syiar Islam serta membentaras dan mengawal segala kegiatan-kegiatan maksiat daripada berlakunya dengan berleluasa di Negeri Pahang Darul Makmur ini. Oleh hal yang demikian jika diperhatikan sekiranya waktu perniagaan di pusat-pusat hiburan ini akan dilenjutkan hingga ke pukul 1.00 pagi adalah lebih banyak mendatangkan keturukan daripada kebaikan dan akhirnya pihak Kerajaan sendiri yang menanggung risikonya. Justeru itu, Jabatan ini sama sekali tidak menyokong terhadap cadangan tersebut.

Selain dimaklumkan, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(HAJI ISHAK BIN HAJI ABDULLAH, PKT.)
KERTUA PENOLONG PENGARAH,
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN,
b.p. & PENGARAH,
JABATAN AGAMA ISLAM PAHANG.

Perolehan Dan Analisa Maklumat.

Kajian telah dijalankan keatas 9 buah bandar utama di Negeri Pahang bagi mendapatkan maklumat penglibatan orang Islam dalam perjudian di pusat perjudian Sports Toto dan Magnum.

Asas kajian adalah bagi menguji hipotesis-hipotesis yang dibentangkan di Pendahuluan.

Penemuan-penemuan analisa di Jadual V dan seterusnya berikut adalah berasaskan kepada purata penggunaan minimum sebanyak \$5.00 seorang, iaitu bagi satu jenis permainan sahaja. Sedangkan dalam satu minggu terdapat sebanyak sembilan jenis permainan.

A) Perolehan Maklumat dan Analisa Jadual I.

1. Umat Islam yang terlibat dengan perjudian seramai 1,066 orang bagi tempoh 2 jam pertama x 2 hari.
2. Bangsa Cina hanya seramai 696 orang dalam tempoh yang sama.
3. Bangsa India seramai 180 orang dalam tempoh yang sama.
4. Dalam tempoh yang sama, terdapat seramai 942 orang yang terlibat dengan perjudian bagi bangsa Melayu (Islam), Cina dan India.
5. Umat Islam (Melayu) mencapai peratus tertinggi, iaitu 54.90%, berbanding dengan bangsa Cina 35.14% dan India yang hanya 9.26% sahaja.

JADUAL I

Perbandingan Kadar Penglibatan
Orang Islam Dalam Perjudian

Daerah	Melayu	Cina	India	Jumlah.
Malipis	73	42	12	127
Kaob	160	112	74	346
oentong	37	98	14	149
Jerantut	121	106	16	243
iemerloh	39	23	4	66
Maran	168	55	6	229
Kuantan	203	221	50	474
Pekan	119	7	4	130
K.Rompin	146	32	0	178
Jumlah %	1066 54.90%	696 35.84%	180 9.26%	1942

JADUAL II

Perbandingan Peratus Penglibatan Orang
Islam (Melayu) Yang Telibat Dengan Perjudian.

Daerah	Melayu %	Cina %	India %
K.Lipis	57.48	33.07	9.45
Raub	46.24	32.36	21.40
Bentong	24.83	65.77	9.40
Jerantut	49.80	43.62	6.58
Temerloh	59.09	34.85	6.06
Maran	73.37	24.01	2.62
Kuantan	42.83	46.62	10.55
Pekan	91.55	5.38	3.07
K.Rompin	82.03	17.97	0

B) Perolehan Maklumat Dan Analisa Jadual II.

Analisa Jadual II berikut adalah bagi kadar peratus penglibatan responden dalam perjudian di pusat perjudian. Analisa peratus ini menunjukkan:

umat Islam (Melayu) di Daerah Pekan mencapai peratus perbandingan tertinggi, iaitu sebanyak 91.55%, kedua di ikuti oleh Daerah Rompin dengan kadar sebanyak 82.03%. Daerah Maran mencatatkan angka peratus ketiga dengan kadar sebanyak 73.37%.

Daerah Bentong dan Kuantan, peratus bangsa Cina mengatasi umat Islam, dimana di Bandar Kuantan bangsa Cina mencapai 46.62% dan bangsa Melayu mencapai 42.83%. Manakala bagi Daerah Bentong, bangsa Cina mencapai 65.77% dan Melayu mencapai 27.83% sahaja.

C) Perolehan Maklumat dan Analisa Jadual III.

Perkiraan Jumlah Purata responden yang terlibat. Antara penemuan yang diperolehi ialah:

1. Umat Islam (Melayu) di seluruh daerah lokasi didapati telah melibatkan dengan aktiviti perjudian ini ialah seramai 2,132 orang dalam masa sehari bagi satu-satu pusat perjudian.
2. Bangsa Cina mencapai angka 1,392 orang sehari bagi satu tempat perjudian.

JADUAL III

Jumlah Purata Sehari Penglibatan
Orang Islam Dalam Perjudian.

Daerah	Melayu	Cina	India	Jumlah.
K. Lipis	146	84	24	254
Raub	320	224	148	692
Bentong	74	196	28	298
Jerantut	242	212	32	486
Temerloh	78	46	8	132
Maran	336	110	12	458
Kuantan	406	442	100	948
Pekan	239	14	8	260
K. Rompin	292	64	0	356
Jumlah	2132	1392	360	3884

D) Perolehan Maklumat dan Analisa Jadual IV, V dan VI.

1. Dalam masa sebulan, umat Islam (anggaran purata) yang terlibat dengan perjudian ialah seramai 51,168 orang bagi seluruh bandar utama Negeri Pahang.
2. Jumlah keseluruhan responden (anggaran purata sebulan) ialah seramai 93,216 orang.
3. Berdasarkan anggaran purata sehari umat Islam telah membelanjakan sebanyak \$10,660.00 untuk perjudian dan dalam tempoh sebulan (24 hari), umat Islam telah membelanjakan sebanyak \$255,840.00 untuk perjudian.
4. Keseluruhan anggaran purata wang responden yang digunakan untuk perjudian dalam sehari ialah \$19,420.00 dan sebulan ialah sebanyak \$468,720.00

JADUAL IV

Jumlah Purata Sebulan (24 Hari)
Penglibatan Orang Islam (Melayu)
Dalam Perjudian.

Daerah	Melayu	Cina	India	Jumlah.
K.Lipis	3,504	2,016	576	6,096
Raub	7,680	5,376	3,552	16,608
Bentong	1,776	4,704	672	7,152
Jerantut	5,808	5,088	768	11,664
Temerloh	1,872	1,104	192	3,168
Maran	8,064	2,640	288	10,992
Kuantan	9,744	10,608	2,400	22,752
Pekan	5,712	336	192	6,240
K.Rompin	7,008	1,536	-	8,544
Jumlah	51,168	33,408	8,640	93,216

JADUAL V

Anggaran Purata Perbelanjaan
Pada Kadar Minimum \$5.00
Seorang Dalam Sehari.

Daerah	Melayu \$	Cina \$	India \$	Jumlah. \$
K. Lipis	730.00	420.00	120.00	1,270.00
Raub	1,600.00	1,120.00	740.00	3,460.00
Bentong	370.00	980.00	140.00	1,490.00
Jerantut	1,210.00	1,060.00	160.00	2,430.00
Temerloh	390.00	230.00	40.00	660.00
Maran	1,680.00	660.00	60.00	2,290.00
Kuantan	2,030.00	2,210.00	500.00	4,740.00
Pekan	1,190.00	70.00	40.00	1,300.00
K. Rompin	1,460.00	320.00	-	1,780.00
Jumlah	10,660.00	7,070.00	180.00	19,420.00

JADUAL VI

Anggaran Purata Perbelanjaan Pada
Kadar Minimum \$5.00 Seorang
Dalam Masa Sebulan (24 Hari).

Daerah	Melayu \$	Cina \$	India \$	Jumlah. \$
K.Lipis	17,520.00	10,080.00	2,880.00	30,480.00
Raub	38,400.00	26,880.00	17,760.00	83,040.00
Bentong	8,880.00	23,520.00	3,360.00	35,760.00
Jerantut	29,040.00	25,440.00	3,840.00	58,320.00
Temerloh	9,360.00	5,520.00	960.00	15,840.00
Maran	40,320.00	15,840.00	1,440.00	57,600.00
Kuantan	48,720.00	53,040.00	12,000.00	113,760.00
Pekan	28,560.00	1,680.00	960.00	31,200.00
K.Rompin	35,040.00	7,680.00	-	42,720.00
Jumlah	255,840.00	169,680.00	43,200.00	468,720.00

Lampiran f

LAMPIRAN F

LAMPIRAN 'A'

SENARAI PUSAT SNOOKER DALAM NEGERI PAHANG

1. Panggung Lyceum,
Jalan Ah Peng,
28700 Bentong.
2. No:27, Jalan Besar Karak,
28600 Karak.
3. No:191, Kampung Baru Telemong,
28620 Telemong.
4. No:211, Kampung Baru Karak,
28600 Karak.
5. No:106, Kampung Telemong,
28620 Telemong.
6. No:25 - 27, Jalan Chui Yin,
28700 Bentong.
7. Resorts World Bhd.,
Genting Highlands,
69000 Genting Highlands.
8. No:45, Taman Ketari,
28700 Bentong.
9. No:78, Jalan Chui Yin,
28700 Bentong.
0. Mok Yeow Seng,
No:19, Jalan Tahan,
27000 Jerantut.
1. Lui Hing Fatt,
No:16, Jalan Tahan,
27000 Jerantut.
2. Ng Kim Tin,
No:45, Jalan Besar,
27000 Jerantut.
3. Soo Been Lai,
No:20, Tkt 1, Wisma River View,
Jalan Jelai,
27200 Kuala Lipis,
4. Lee Leng Seng,
No:44, Stesen Bas Lama,
27300 Benta.

15. No:5, Jalan Songsang,
28050 Kuala Krau,
16. Pachinko & TV Machine,
No:20 - 21, Jalan Zabidin,
28400 Mentakab.
17. Pusat Hiburan Leong,
No:19-A Jalan Besar,
28500 Lanchang.
18. Sinvy Malaysia Bhd.,
No:33, Jalan Ponniah,
28400 Mentakab.
19. Leong Seng TV Games,
No:48, Jalan Haji Kasim,
28400 Mentakab.
20. Snooker & TV Mesin,
No:51, Jalan Haji Kasim,
28400 Mentakab.
21. Pusat Hiburan,
No:19 - 20, off Jalan Haji Kasim,
28400 Mentakab.
22. Snooker,
No:88 - 89 Jalan Haji Kasim,
28400 Mentakab.
23. Snooker Keris,
No:98, Jalan Haji Kasim,
28400 Mentakab.
24. Pertama Snooker,
No:91 - 93, Jalan Haji Kasim,
28400 Mentakab.
25. Pusat Hiburan Elektronik,
No:96, Jalan Haji Kasim,
28400 Mentakab.
26. Video,
No:25, Jalan Bendera Mahkota,
Taman Bukit Bendera,
Mentakab.
27. No:77, Tkt 2, LKNP,
Jalan Ahmad Shah,
28000 Temerloh.
28. Ginivy CMT Sdn. Bhd.,
No:16, Jalan Merbau,
Taman Rimba,
28400 Mentakab.

29. Video & Kaset,
No:7A, Belakang Jalan Temerloh,
28400 Mentakab,
30. Kedai Video,
No:54, Bangunan LKNP,
Jalan Ponniah,
28400 Mentakab,
31. Golden Snooker Centre,
No:88, Jalan Haji kasim,
28400 Mentakab.
32. Pusat Hiburan,
F - 98, Tkt 1, Jalan Kuantan,
Bandar Baru,
28000 Temerloh.
33. Pusat Hiburan Osa Amusement Park,
No:51, Tkt 1, Jalan Haji Kasim,
28400 Mentakab.
14. One Step Amusement Park,
F -101, Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
15. S - Eleven Amusement Park,
F - 99, Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
6. Pusat Hiburan,
No:25, Jalan Tengku Bakar,
28000 Temerloh.
7. Pusat Hiburan Elektrik,
No:58, Jalan Semantan 1,
Lurah Semantan,
28000 Temerloh.
8. One Step Amusement C,
R 102, Bandar Baru,
Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
9. S - Eleven Amusement P,
F 97 - 98 Bandar Baru,
Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
10. Pusat Hiburan,
F 101 (Tkt 1) bandar Baru,
Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.

1. Pusat Hiburan,
F 102, Tkt 1, Bandar Baru,
Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
2. Pusat Hiburan Elet Kawan,
No:6 (3398) Taman Sempalit,
28400 Mentakab.
3. Pusat Hiburan,
No:5, Jalan Kampung Baru Kuala Krau,
28500 Lanchang.
4. Snooker,
No:33 - A Jalan Ibrahim,
28000 Temerloh.
5. Pachinko,
No:F - 96, Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
6. One Step,
No:F - 101 Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
7. 88 Snooker,
No:F - 107 Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
3. Snooker,
No:F - 109 Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
1. Snooker & TV Machine,
No:F - 78 Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
1. No;F - 110 Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
1. No:F - 108 Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
1. Snooker,
No:F - 79, Jalan Kuantan,
28000 Temerloh.
1. Snooker,
No:C - 65, Jalan Ngau Ken Lock,
28000 Temerloh.
1. Video,
No:C - 106, Jalan Ngau Ken Lock,
28000 Temerloh.
1. Snooker dan TV Mesin,
C.- 81, Jalan Ngau Ken Lock,
28000 Temerloh.

7. Pahang Motor Credit Coast,
3 - 1580 Tkt 1,
Jln Beserah,
25300 Kuantan.
8. Per. Pembalok Pantai Timur,
A - 1486 Tingkat 2,
Jln Beserah,
25300 Kuantan.
9. Pusat Rekreasi Beserah,
A1617 - 6377 Tingkat 2,
Jln Beserah,
25300 Kuantan.
00. Que Point Snooker Centre,
B - 3061 Tkt 2,
Jln Beserah,
25300 Kuantan.
01. Kelab Golf Diraja Pahang,
Jln Teluk Chempedak,
25050 Kuantan.
02. Monaz Snooker Amusement Centre,
No:40, Jln Tas 4,
Taman Tas,
25150 Kuantan.
03. Majlis Sukan Daerah,
No - 10 Jln 4,
Taman tas,
25150 Kuantan.
04. Pergerakan Pemuda Malaysia,
No:23 Jln 5,
Taman Tas,
25050 Kuantan.
05. Kim Snooker Centre,
G 6 Jalan Besar,
Gambang,
26300 Kuantan.
06. Cherating Holidays Villa,
Lot 1303 Mukim Sg. Karang,
26100 Kuantan.
07. Coral Beach Resort,
152 Sg. Karang,
26100 Kuantan.
08. Kes. Keb. Pekerja Lombong,
K 17 South Canton Street,
Sg. Lembing,
26200 Kuantan.

56. Pusat Hiburan Bintang,
No:10, LKNP Simpang Sougsang,
28000 Temerloh.
57. No:24, Jalan Besar Brinchang,
Cameron Highlands,
58. No:30, Jalan Besar Ringlet,
Cameron Highlands.
59. No:10, Jalan Besar Ringlet,
C. Highlands.
60. No:17, Jalan Besar Ringlet,
C. Highlands.
61. Garden Inn,
Tanah Rata,
C. Highlands.
62. Merlin Inn Resort,
Tanah Rata,
C. Highlands.
63. Pusat Hiburan Keris,
Bandar Baru,
Rompin.
64. Pusat Hiburan Keris,
Bandar Lama,
Rompin.
65. Pusat Hiburan,
Taman Kencana,
Rompin.
66. Pusat Hiburan,
Tanjung Gemuk,
Rompin.
67. Samudra Riverview Hotel,
Jalan Besar,
25000 Kuantan.
68. MTV Pusat Hiburan,
160 Tingkat Satu,
Jalan Besar,
25000 Kuantan.
69. Varent Sdn. Bhd.,
Lot 3.D4 - 3.D5 Tingkat 3,
Kompleks Teruntum,
25000 Kuantan.
70. Sport Recreation Advertising,
Lot 3.D8 - 3.D9 Tingkat 3,
Kompleks Teruntum,
25000 Kuantan.

71. Sport recreation & Ad Master,
Lot 3. 1 Tingkat 3,
Kompleks Teruntum,
Kuantan.
72. Varent Sdn. Bhd.,
Lot 2.37 Tingkat 2,
Kompleks Teruntum,
Kuantan.
73. Rally Snooker,
Tingkat 3,
Kompleks Teruntum,
25000 Kuantan.
74. Per. Bola Tampar Amatur KTN.,
No 168 Tkt 1,
Jln Telok Sisek,
25000 Kuantan.
75. Per. Bekas Pelajar Sek. S. Thomas,
No:2 Jalan Gambut,
25000 Kuantan.
76. Kelab Soccer,
Lot 1 Wisma Bolasepak,
Jalan Gambut,
25000 Kuantan.
77. Per. Bekas Polis Pahang,
Jln Bukit Ubi,
25200 Kuantan.
78. Per. Ping Pong-Kuantan.
17, Tkt 1,
Jln Pasar Baru, Kuantan.
79. Grand Snooker,
Tkt 11 & 12 Wisma MCA,
25200 Kuantan.
80. Per. Bola Keranjang Amatur Ktn,
B 909 Tkt 1,
Jln Bukit Ubi,
25000 Kuantan.
81. No23/25 Tkt 2,
Tanah Puteh,
25100 Kuantan.
82. Varent Sdn. Bhd.,
E - 1325 Jln Bukit Ubi,
25200 Kuantan.
83. PST Hiburan Letronik Eong Seng,
A - 9 Jln Stadium,
Kuantan.

84. Kelab Kuantan,
Jln Merdeka,
25000 Kuantan.
85. M.S.D. (Senjamas Sdn. Bhd.),
Lot - 1, Medan Letak Kereta,
Jln Hj. Abdul Rahman,
Kuantan.
86. Kelab Sukan Mitra Band House,
Jln Wong Ah Jang,
25100 Kuantan.
87. S.J. Videogame,
24, Jln Wong Ah Jang,
Kuantan.
88. Per. Veteran Kesamali,
A14384 Jln Telok Sisek,
25000 Kuantan.
89. Per. Foo Chow Pahang,
E - 2272/2274 Tkt 2,
Jln Wong Ah Jang,
25100 Kuantan.
90. Per. Bola Sepak Cina Pahang.
63 & 65 Off Jln Wong Ah Jang,
25100 Kuantan.
91. Per. M'sia Shorin-Ryu Karate,
E - 1369 Jln Wong Ah Jang,
25100 Kuantan.
92. Kelab Lumba Motor Kuantan,
No:15, Jln Wong Ah Jang,
25100 Kuantan.
93. Kes. Ragbi Pahang,
B 28 - 40 Jln Cempaka,
Off Jln Wong Ah Jang,
25100 Kuantan.
94. Per. Karate Pahang,
23 & 25 Jln Tanah Putih,
25100 Kuantan.
95. Monaz Snooker,
Tkt 3,
Stadium Darul Makmur,
25200 Kuantan.
96. Per. Veteran Keselamatan,
No:6 Jln Besar,
Sungai Lembing,
Kuantan.

KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH

57

BAB 9

PERUNTUKAN AM

100. (1) Mana-mana peruntukan atau tafsiran peruntukan di dalam Enakmen ini yang berlawanan dengan Hukum Syara' adalah tidak sah setakat mana ia berlawanan. Rujukan muktamad.

(2) Jika terdapat apa-apa perkara yang tidak diperuntukkan atau mana-mana peruntukan dalam Enakmen ini tidak menyatakan apa-apa perkara dengan jelas, Mahkamah hendaklah merujuk kepada Hukum Syara'.

Diluluskan oleh Dewan Negeri Pahang, pada 5hb Mac 1990.

[SUK. Phg. (DN) 03/0097 Pt. 6; PUN. Phg. (S) 624.]

AB. KHALID BIN MAT,
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri,
Pahang*

014

Delara

16 Julai 1991 (4 Macarum, 14/2)

M/S4

Kerajaan arah Seru kaji judi

KERAJAAN telah mengarahkan Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi (Seru), Jabatan Perdana Menteri mengkaji amalan perjudian di kalangan masyarakat agar dapat dijadikan panduan membanteras kegiatan itu secara tersusun.

Timbalan Menteri Kewangan, Haji Abdul Ghani Othman, berkata kerajaan berharap kajian itu akan dapat mengesan golongan yang berjudi, kedudukan sosioekonomi mereka, sebab dan implikasi berjudi.

"Maklumat yang tepat daripada kajian itu untuk tindakan susulan membanteras kegiatan perjudian secara tersusun," katanya menjawab pertanyaan Haji Nik Abdullah Arshad (Pas Pengkalan Chepa).

Mengenal dasar kerajaan terhadap kegiatan perjudian, Haji Abdul Ghani menjelaskan kerajaan sendiri tidak terlibat secara langsung mengendalikan kegiatan berkenaan dengan menamatkan Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan.

Katanya, kerajaan juga tidak meluluskan



HAJI ABDUL GHANI
...kesan golongan berjudi

lagi lesen baru semua kegiatan perjudian selaras dengan usaha tidak menggalakkan pertumbuhan aktiviti itu.

Sebaliknya, kata beliau, kerajaan hanya membenarkan syarikat swasta yang dilesenkan meneruskan operasi perjudian.

"Sungguhpun syarikat swasta dibenarkan mengendalikan kegiatan perjudian, kerajaan mengadakan kawalan ketat ke atas operasi perjudian," katanya.

Antaranya orang Islam dilarang memasuki kasino di Genting, mereka yang berumur kurang 21 tahun dilarang memasuki semua tempat perjudian dan dilarang berhampiran sekolah dan rumah ibadat.

"Kerajaan juga meningkatkan penguatkuasaan dan mengambil tindakan tegas ke atas pengusaha judi haram," katanya.

Haji Abdul Ghani juga berkata, selain daripada tindakan Kerajaan Pusat, beberapa Kerajaan Negeri seperti Kelantan dan Sarawak sudah menghamkan perjudian manakala Johor judi mesin slot dan Terengganu bercadang melaksanakannya.

Katanya, pemberhentian lesen judi di Kelantan tidak menjejaskan hasil negara kerana jumlah yang dikutip hanya \$5 juta pada tahun lalu.

Menjawab soalan tambahan Haji Hadi Awang (Pas-Marang), Haji Abdul Ghani berkata, kerajaan mengutip \$370,6 juta hasil daripada kegiatan perjudian setakat tahun lalu.

Jaip diminta awasi Muslim kaki ekor


KUANTAN, Jumaat — Kajian Jabatan Agama Islam Pahang (Jaip) mendapati 54 peratus daripada 93,216 orang yang mengunjungi kedai empat nombor ekor dalam sebulan di negeri ini beragama Islam.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Abdul Jabbar Ibrahim, mengarahkan Jaip mengemukakan cadangan kepada kerajaan negeri bagaimana mengawal pembabitian orang Islam dalam perjudian itu.

Sambil melahirkan kebimbangannya dengan peningkatan bilangan orang Islam berkenaan, beliau berkata, jika boleh, Enakmen Hal-Ehwal Agama Islam (Pentadbiran) negeri hendaklah dipinda untuk menghalang mereka bergiat dalam perjudian seperti empat nombor ekor.

"Pada masa ini, Jaip tiada kuasa menahan orang Islam yang berjudi di kedai empat nombor ekor tetapi boleh berbuat demikian terhadap mereka jika memasuki kasino," katanya di sini, hari ini.

Jika pindaan itu dilakukan, Pahang menjadi ne-



ABDUL JABBAR
... kemuka cadangan

geri pertama mempunyai peraturan menangkap orang Islam di kedai empat nombor ekor serta mendakwa mereka di Mahkamah Syariah.

Abdul Jabbar hairan orang Islam yang sering mengunjungi kedai terabit tidak dikenakan tindakan sedangkan mereka didapati memasuki kasino boleh didakwa di mahkamah.

"Sepatutnya, undang-

undang melarang umat Islam memasuki kasino juga dikuatkuasakan di kedai empat nombor ekor," katanya.

Beliau berkata, kajian Jaip yang dibentangkan dalam mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Rabu lalu mendapati orang Islam membelanjakan RM10,660 sehari untuk membeli empat nombor ekor.

"Ini bermakna dalam 24 hari, mereka mengeluarkan wang RM225,840 untuk terabit dalam perjudian itu," katanya.

Abdul Jabbar selaku Pengerusi Jawatankuasa Hal-Ehwal Agama Islam meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) dan badan kerajaan lain tidak memperbaharui atau mengeluarkan lesen kedai judi pada masa depan.

Beliau berkata, kegiatan perjudian di kalangan peneroka Felda di negeri ini semakin berleluasa walaupun tiada kedai empat nombor ekor di situ.

"Kebanyakan mereka berjudi, terutama menggunakan daun terup di kedai atau warung kopi," katanya.